

BAB II

KEGIATAN PENDIDIKAN DAN AMALAN DALAM DAKWAH TARIQAH AHMAD IYYAH

Pendahuluan

Dalam membincangkan dakwah Islamiyyah yang dibawa oleh tariqah Ahmad iyyah, perlu dilihat kepada tujuan-tujuan asal oleh pengasas tariqah ini sendiri iaitu Sayyidi Ahmad bin Idris (1760-1837M). Matlamat semua aliran tariqah adalah untuk mencapai *ma'rifatullāh* yang sebenar, berdasarkan kepada amalan Rasulullah yang diikuti oleh para sahabat, *tabi'in* dan seterusnya sekalian para 'ulam-a'. Asas-asas ajaran tariqah Ahmad iyyah adalah bersumberkan al-Quran dan Sunnah, sebagaimana yang dinyatakan oleh Sayyidi Ahmad bin Idris sendiri. "*tariqah ku adalah kitab Allah dan perjalanan para RasulNya.*" Sayyidi Ibrāhīm Rāshidi (w.1873M)¹ menyatakan bahawa antara lain tujuan tariqah Ahmad iyyah ialah :

"...Tujuan dan maksud kami ialah menunjukkan, memandu golongan yang tiada beragama, sesudah mereka menerima wirid-wirid . tariqah ini., mereka itu ialah seperti orang yang meninggalkan sembahyang, zakat, puasa, dan kewajipan agama yang lain, orang yang meninggalkan rukun-rukun agama, tidaklah boleh dikatakan beragama, maka orang seperti ini diarahkan supaya mendirikan fardhu-fardhu dan menjaga supaya tidak meninggalkannya dan berusaha pula untuk melakukan dhikrullah setakat yang terdaya dan melazimkan ibadat yang sunat..."²

Syaykh Ahmad menyatakan dalam karyanya :

Bermula tariq yang diistilahkan akan dia pada sisi 'ulamā' 'sufiyyah ialah tiap-tiap tariq yang bermutabaqah ia akan ini syari'ah yang mulia akan mutabaqah pada zahir dan batin...³

Bagaimanapun, beberapa dakwaan yang serong terhadap gerakan Ahmad iyyah telah dilemparkan oleh kerana suasana dan persekitaran masyarakat ketika itu. Beberapa orang pengkaji barat menyatakan bahawa Sayyidi Ahmad bin Idris adalah tokoh sufi yang bersifat pembaharu (neo-sufi order).⁴ Manakala ada juga sebahagiannya yang memberi pandangan bahawa Sayyidi Ahmad Idris dalam beberapa doktrin ajarannya seolah-olah bersimpati dengan aliran *Wahābi*.⁵ Beliau juga disifatkan seorang ahli sufi yang membawa pembaharuan dalam alam mistik Islam pada abad ke -19.

Pada ketika yang sama, gerakan pembaharuan yang dibawa oleh Muhammad bin 'Abd Wahāb (1703-1792M) telah melanda Najd atau Semenanjung Tanah Arab.⁶ Kesan dan pengaruh gerakan pembaharuan atau gerakan *salafī* ini juga telah disambut oleh salah seorang lagi tokoh sufi yang menyebarkan dakwahnya di Morocco iaitu Ahmad al-Tijāni (1737-1815M).⁷ Gerakan *Wahābi* di tanah Ḥijāz telah disambut dengan baik oleh penguasa Morocco ketika, bernama Sultan Mulāy Sulaimān. Baginda dikatakan tertarik dengan usaha kaum *Wahābi* untuk membentras beberapa penyelewengan mereka yang mendakwa sebagai pengikut amalan sufi dari ajaran sunnah. Baginda telah mempropagandakan fahaman ini di Fez dan disambut oleh Ahmad al-Tijāni yang merupakan seorang tokoh sufi yang berpengaruh di Morocco

ketika itu.⁸ Gerakan Ahmad al-Tijāni (1737-1815M) dan Sayyidi Ahmad bin Idrīs (1760-1837M) ini telah menghasilkan satu lagi doktrin ajaran tasawwuf pada abad ke-19M. Apa yang nyata, aliran-aliran ḥarīqah ṣufiyyah yang ada di Najd ketika itu mendapat tentangan daripada 'ulamā' -'ulamā' Wahābi atau Salafī. Ini dapat dilihat dalam perjuangan Sayyidi Ahmad bin Idrīs yang pernah diusir beberapa kali keluar daripada Tanah Arab.

Amalan-Amalan Dalam Tarīqah Ahmad'iyyah

1. *Dhikir*

Antara perkara asas dalam dakwah ḥarīqah-ḥarīqah ṣufiyyah ini adalah berhubung dengan amalan *dhikir*. *Dhikir* adalah merupakan amalan yang berfungsi kan *al-riādah* dan *mujāhadah* dalam tasawwuf Islam. Beramal dengan *dhikir* yang diamalkan oleh ahli ṣufi dinamakan *mutaṣawwif* dan mereka yang telah sampai ke martabat ini dinamakan ṣufi.⁹ Meskipun begitu, dalam kehidupan orang ṣufi, martabat ini hanya berhasil bergantung sejauh mana kesungguhan amalan *dhikir* itu berjaya memberi kesan kepada hatinya. Ditambah dengan penyerahan sepenuhnya kepada Allah serta menjaga adab-adab sebagai seorang *ṣalik* yang sempurna. Perjalanan seorang *ṣalik* itu akan rosak apabila adanya sifat-sifat mencari-cari kelonggaran atau peluang (*itbā' al-Rukhsah*). Apatah lagi mengikut dan meniru golongan yang terpengaruh dengan

syahwat dan hawa nafsu.¹⁰ Kedudukan *dhikir* dalam Islam adalah jelas sekali dalam al-Qurān dan disebut beberapa kali antaranya firman Alāh :

الذين يذكرون الله فيما وقعوداً على جنوبهم
ويتفكرون في خلق السماوات الأرض

Orang-orang yang (beriman) mengingati Allāh ketika masing-masing mereka berdiri, duduk dan ketika berbaring dan mereka bertafakur (berfikir) tentang kejadian langit dan bumi...¹¹

بِأَيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Hai orang-orang yang beriman, ingatlah serta sebutlah nama Allāh dengan ingatan dan sebutan sebanyak-banyaknya...¹²

وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضْرِعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ
مِنَ الْقَوْلِ بِالْغَدْوِ وَالْأَصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ

Dan sebutlah serta ingatlah akan tuhanmu di dalam hatimu, dalam keadaan tadarru' serta dengan perasaan takut (melanggar perintahNya) dan dengan tidak pula menyaringkan suara pada waktu pagi dan petang. Dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai...¹³

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِي

"Maka kerana itu ingatlah Aku, supaya Aku ingatkan akan diri kamu, dan bersyukurlah kepadaKu dan janganlah kamu menjadi orang yang kufur (akan nikmatKu)"¹⁴

Jelas kepada kita konsep *dhikir* atau menyebut nama Allah, adalah berdasarkan sumber-sumber yang nyata dalam al-Qurān. Apa yang menjadi perbezaan adalah bentuk, peraturan dan pelaksanaannya di kalangan ḥarīqah-ḥarīqah ṣufiyyah

berdasarkan kepada disiplin kerohanian seseorang syaykh ḥarīqah. Secara umumnya cara berdhikir itu ada tiga bahagian :¹⁵

1. Berdhikir dengan hati (*dhikr al-Qalb*)
2. Berdhikir dengan lidah (*dhikr al-Lisān*)
3. Berdhikir dengan kedua-duanya (*dhikr al-Qalb wa al-Lisān*)¹⁶

Berhubung dengan ini beberapa orang pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah seperti Syaykh Ahmad menyatakan ;

*...adalah berdhikir itu ialah dengan dua anggota, lidah dan hati, yang terlebih afdal ialah berdhikir dengan lidah dan hati sekali, jika mahu berdhikir dengan satu anggota sahaja hendaklah berdhikir dengan hati, ini terlebih afdal, kerana selamat dari ria' dan bermegah-megah..*¹⁷

Kesemua kaedah ini adalah atas digunakan oleh ahli-ahli ḥarīqah sufīyyah. Ianya adalah satu amalan yang bersumber dari al-Qurān dan Sunnah. Melalui amalan *dhikir* juga, seseorang itu dapat membersihkan hati mereka dan menahan kejahatan nafsu yang mendorong kepada keburukan dan sifat-sifat *madhmūmah*. Allah berfirman :

إِنَّ النَّفْسَ لَمَارَةٌ بِالسُّوءِ

Sesungguhnya *nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan*
¹⁸

Amalan *dhikir* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah dilakukan dengan cara *dhikir jāli* atau *dhikir* secara kuat. Menurut Syaykh Ahmad, antara beberapa kaedah melakukan

dhikir ialah ber*dhikir* dengan hati, kedua ber*dhikir* dengan lidah dan ketiga dengan kedua-duanya sekali. Beliau menyatakan bahawa adalah ber*dhikir* dengan suara yang nyaring atau kuat itu dengan beberapa *I'tibār*. Antaranya, boleh menghilangkan perasaan yang lalai hati disebabkan urusan-urusan keduniaan. Kerana menurutnya, keadaan dan masa kini, jika ber*dhikir* dengan perlahan-lahan seolah-olah mendatangkan ingatan kepada perkara-perkara yang melalaikan kerana urusan dunia.¹⁹

Dhikir jāli juga melatih hati seorang itu supaya rajin ber*dhikir*. Ia juga dapat menghilangkan rasa mengantuk dan tidur. Beliau juga menyatakan antara lain faedah *dhikir jāli* ini adalah untuk memberi peringatan kepada para muridnya supaya tidak lalai melakukan amalan *dhikir* disamping meninggikan syiar Islam.²⁰

...dalam hal ini saya berpendapat berdhikir dengan suara yang kuat dan dengan cara yang tertentu adalah afdal kerana ia dapat menghasilkan wirid yang banyak menjagakan hati orang yang berdhikir, menetapkan hati pada tujuan dhikir itu, gerakan badan dan kepala mengikut cara tertentu taktala berdhikir dapat menambah kerajinan dan menolak keinginan untuk tidur...²¹

Beliau bagaimana pun tidak menafikan akan keutamaan *dhikir khāfi* atau *sīr* sebagaimana yang menjadi amalan utama para pengamal ḥarīqah Naqsyabandiyyah. Menurutnya ini adalah sebahagian daripada kaedah *dhikir* yang bersandarkan kepada perintah Allah dalam al-Qurān, supaya ber*dhikir* dengan keadaan merendah diri takutkan Allah serta tanpa meninggikan suara.²² *Dhikir* ini juga dikenali dengan *dhikir al-qalbī* (hati). Hal ini juga ditegaskan oleh baginda Rasulullah dalam hadis bermaksud

*Dhikr Khafī (dalam hati) melebihi dhikir jahr dengan tujuh puluh kali ganda. Apabila hari Qiamat, Allah mengembalikan semua makhluk ke tempat perhitungannya. Dan Malaikat Penjaga datang membawa apa yang mereka jaga dan apa yang mereka catat. Allah berfirman kepada Malaikat Penjaga : Perhatikan, masih adakah sesuatu yang tersisa dari hambaKu ? Mereka menjawab: Tiada satupun kami tinggalkan dari apa yang kami ketahui dan apa yang kami jaga, melainkan kami batasi dan sudah kami tulis dengan sebenarnya. Maka Allah berfirman(kepada hambaNya : Sesungguhnya kebaikanmu ada padaKu. Dan Aku akan membalasnya. Kebaikanmu itu ialah Dhikir Khafī.*²³

Nabi s.a.w. bersabda maksudnya :

*Dhikir yang tidak didengari malaikat yang menjaga amal (al-hafazah) itu lebih (baik) tujuh puluh kali ganda daripada dhikir yang dapat didengarnya*²⁴

Saydīnā 'Alī bin Abī Tāib kwj. telah bertanya kepada baginda Nabi, maksudnya:

*Ya Rasulullah, tunjukkan kepada aku jalan yang sehampir-hampirnya kepada Allah, dan jalan yang mudah keatas hambanya, dan paling qafdhāl disisiNya. Maka kata Nabi s.a.w. Hendaklah engkau selalu berdhikrullah secara sirr dan jāhar, Maka kata Sa'ídīnā 'Alī, Semua manusia berdhikir, maka khususkan dengan sesuatu, kata Rasulullah, Sebaik-baik ucapan ialah Lā ilaha illāllāh... dan Ya 'Alī, pejamkan kedua matamu dan katupkan kedua bibir mulutmu dan rapatkan kan lidah engkau ke langit-langit mulutmu dan kata olehmu (dalam hati) Allah, Allah, Allah...*²⁵

Dari A'isyah r.a. berkata Rasulullah s.a.w. bersabda :

Dhikir khafī itu melebihi dhikir jahr dengan tujuh puluh kali ganda. Apabila hari qiamat, Allah mengembalikan semua makhluk ketempat perhitungannya. Dan malaikat penjaga datang membawa apa yang mereka jaga dan apa yang mereka catat. Allah berfirman kepada malaikat penjaga : "Perhatikan, masih adakah sesuatu yang tersisa dari hambaKu' mereka menjawab, " Tidak satupun kami tinggalkan dari apa yang kami ketahui dan apa yang kami jaga, melainkan yang kami batasi dan kami catatkan dengan sebenarnya." Maka Allah berfirman (kepada

*hambaNya), Sesungguhnya kebaikanmu ada padaKu. Dan Aku akan membalasnya. Kebaikanmu itu ialah dhikir khafi.*²⁶

Dari keterangan tadi, menjelaskan bahawa kaedah berdhikir itu berdasarkan kepada Al-Qurān dan Sunnah Rasulullah. Manakala pandangan para 'ulamā' berhubung dengan *dhikir* ialah :

*Dhikir dalam hati itu itu ialah seumpama pedang bagi murid-murid. Dengan senjata itu mereka memerangi musuh dan mempertahankan diri dari mara bahaya dan apa juarerosakan yang yang datang mengancam mereka. Dan bala itu, apabila menimpa seseorang lalu ia berasa takutkan Allah maka serta merta dapat menjauhkan apa yang dia benci itu.*²⁷

Jelasnya, adalah saranan-saranan dan perintah di dalam al-Qurān dan sunnah Nabi itu merupakan perjalanan kebanyakkan ḥaṭīqah - ḥaṭīqah ṣufiyyah. Ajaran ḥaṭīqah Ahmadīyyah, sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu adalah sebagai satu jalan untuk mencapai tujuan-tujuan *taqarrub ila-LLāh* dan sampai kepada *haqīqat* Allah. Amalan-amalan mereka ini adalah sebagaimana yang diajarkan oleh para masyaikh mereka. Menurut Hamdan Hassan, prinsip ketuhanan dan perjalanan roh dan nur dikatakan menjadi perhatian yang penting dalam ajaran ḥaṭīqah Ahmadīyyah.²⁸

Bagaimanapun, ajaran penting ḥaṭīqah Ahmadīyyah ini ialah *dhikir*. Dalam ḥaṭīqah ini, terdapat beberapa *dhikir* dan *awrād* yang menjadi amalan asas antaranya ialah :

1. Fātiha al-Awrad (فاتحة الوراد)
2. Dhikir tahlīl (Lā ilaha illa-lLāh (-الله لا إله إلا هـ) atau dhikir nafī ithbat
3. Salawāt al-'Adhimiyyah (صلوات الاعظيمية)
4. Al-Istighfār al-Kabīr²⁹ (الاستغفار الكبير)

Kesemua *dhikir-dhikir* ditalqīnkan oleh syaykh tarīqah Ahmad iyyah semasa berlakunya majlis *bai'ah*. *Dhikir* dalam pengertian yang lain, difahami dengan menyebut nama Allah dan mengingati akan-Nya dengan apa-apa kelakuan atas sekira-kira perasaan, kerinduan dan adab-adabnya.³⁰ Dapat difahami, bahawa ber*dhikir* itu adalah dengan beberapa syarat, adab dan kaedah-kaedahnya sehingga memberi kesan kepada hati dan ruh (*taṭhir al-Rūh*). Maka barulah seseorang itu akan mendapati bahawa *dhikirnya* itu adalah memberi kesan dan peningkatan kerohanian. Para 'ulam-a' ūfi menggolongkan *dhikir* ini sebagai *dhikir darajat*. *Dhikir* mestilah disertai dengan *khushu'*, *tawadu'* dan *tadarru'*. Orang yang ber*dhikir* itu mestilah disertai dengan *tafakkur* kepada Allah. FirmanNya dalam al-Qurān yang bermaksud :

الذين يذكرون الله قياماً وقعوداً وعلى جنوبهم
ويتفكرون في خلق السماوات والأرض ربنا ما
خلقت هذا باطلا سبحانك فقنا عذاب النار

*Orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring dan mereka itu bertafakkur tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata) : wahai Tuhan kami, tidaklah engkau menjadikan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab api neraka.*³¹

Adapun yang dimaksudkan dengan *dhikir darajat* itu ialah , *dhikir-dhikir* sebagaimana yang terdapat di dalam amalan ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah yang dipelajari dari seseorang syaykh ḥarīqah yang betul sandarannya atau salasilahnya yang bermata rantai sehingga sampai kepada Rasūlullah. *Dhikir-dhikir* yang diajarkan ini lengkap dengan beberapa kaedah-kaedah khusus atau *kayfiyah*. Seseorang yang ingin beramal dengan *dhikir-dhikir* dalam amalan ḥarīqah, akan melalui proses *talqīn* dan *bai'ah*. Al-*Bai'ah* atau ikatan janji setia ini ada dinyatakan dalam al-Qurān :

إِنَّ الَّذِينَ يَبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يَبَايِعُونَ اللَّهَ يَدِ اللَّهِ
فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ
أَوْفَى بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسِيرُتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

*Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepada kamu (wahai Muhammad) Sesungguhnya mereka itu memberi taat setia kepada Allah. Kekuasaan Allah mengatasi ke atas mereka. Sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya, maka sesungguhnya bahaya tidak menyempurnakan apa yang dijanjikannya (taat setia) hanya menimpakannya dirinya, maka sesiapa yang menyempurnakan apa yang dijanjikan kepada Allah, maka akan diberikan kepada mereka ganjaran yang amat besar dari Allah*³²

Bai'ah dan taat setia (*al-'Ahd wa al-Mubāya'ah*) dalam ilmu ḥarīqah adalah syarat utama sebelum seseorang itu menjadi seorang *sālik* yang sempurna, dalam amalannya untuk mencapai *taqarrub ila-Llāh* dan *ma'rifat-iLlāh*. Tujuannya adalah untuk mendapatkan keberkatan dan wujudnya pertalian rohaniyyah dengan syaykhnya dan para masyaikh sebelumnya. Keberkatan itu tidak akan didapati melainkan dengan *wasīlah* dari syaykh yang memimpin sesuatu ḥarīqah yang mempunyai salasilah yang

sah dan benar perjalanannya sehingga kepada Rasulullah s.a.w.. Syaykh Muhamamad Sa'id menerangkan ;

dan bahawasanya guru itu wāsitah antara ṣalik dan tuhannya seperti sebagaimana yang dikatakan (Sayyidi Ahmad Idrīs), jikalau tiada murabbi nescaya tiadaku kenalkan tuhanku, dan jikalau tiada wāsitah nescaya binasa...³³

Adapun kaedah *bai'ah* ini sudah berlaku semasa zaman baginda Rasulullah sendiri. Contohnya, peristiwa *Bai'ah al-'Aqabah* pada tahun ke-12 dan 13 keRasulan Nabi s.a.w. sebelum Hijrah, *Bai'ah al-Ridwan* (6 Hijrah), diikuti dengan beberapa lagi peristiwa *bai'ah* terutama selepas pembukaan kota Mekah (8 Hijrah) dan lain-lain lagi. Al-Qurān menerangkan lagi :

*Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak(mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya(dengan nama Allah), sedangkan kamu telah menjadikan nama Allah sebagai penjamin kebaikan kamu; sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu lakukan.*³⁴

Selain dari *bai'ah*, *talqīn* juga adalah menjadi salah satu syarat dan asas dalam ilmu ḥarīqah. Rasulullah s.a.w. telah mentalqīnkan sekumpulan para sahabatnya dengan *dhikir*. Ini adalah sebagaimana satu ḥadith ṣaḥīḥ diriwayatkan oleh Shadad bin Aus :

كنا عند رسول الله (ص) فقال : هل فيكم غريب ؟ -يعني من اهل الكتاب- فقلنا : لا يا رسول الله، فامر بغلق الباب فقال : ارفعوا ايديكم وقولوا لا اله الا الله وشم قال (ص) الحمد لله ، اللهم انك بعثتني بهذه الكلمة ، وأمرتني بها ، وواعدتني عليها الجنة ، وانك تخلف الميعاد ، ثم قال (ص) لا أبشركم فان الله قد غر لكم

Adalah kami bersama-sama dengan Rasulullah. Maka berkata baginda: "Adakah di kalangan kamu ini orang asing" iaitu di kalangan ahli kitab. Maka kami menjawab: "Tidak wahai Rasulullah. Maka baginda Rasul memerintahkan supaya ditutup pintu kemudian berkata: "Angkatkanlah tangan kamu dan katakanlah" Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah," Maka kamipun mengangkat tangan kami dan menyebut : Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah.". Kemudian baginda Nabi berkata : Segala puji-puji bagi Allah, Ya Allah Ya Tuhan Kami , Sesungguhnya engkaulah yang telah mengutusanku dengan K'alimah ini, dan memerintahkanku dengannya dan menjanjikanku dengan Jannah, sesungguhnya Engkaulah wahai tuhan yang tidak akan membelakangkan janji. Kemudian kata Nabi s.a.w. Ketahuilah, bergembiralah kerana sesungguhnya Allah telah memberi keampunan kepada kamu...³⁵

Secara umumnya *bai'ah* dalam ḥarīqah bermaksud kesanggupan dan kesetiaan seseorang murid di hadapan syaykh atau gurunya untuk mengamalkan dan mengerjakan segala amalan dan kebajikan yang diperintahkan oleh gurunya itu. Manakala *talqīn* pula bermaksud peringatan atau pengajaran seseorang guru atau syaykh kepada muridnya.³⁶ *Bai'ah* ini pada hakikatnya adalah sebagai lambang bagi permulaan ikatan perhubungan seseorang murid dengan syaykhnya. Perhubungan ini berdasarkan keazaman dan kemahuan yang kuat serta niat yang ikhlas dari seseorang murid untuk di *tarbiyyah*, dipimpin dan ditingkatkan kerohanianya. Manakala syaykh pula menerima dengan penuh perhatian terhadap kemahuan, keazaman dan keikhlasan murid tersebut.

Kesungguhan, kerelaan dan keikhlasan murid ini melahirkan ikatan janji setia, dimana syaykh telah berjanji untuk memimpin, manakala murid pula berjanji untuk mematuhiinya. Oleh itu terdapat dua perkara penting yang menjadi asas dalam *bai'ah* ini iaitu kemahuan murid untuk dipimpin dan kesanggupan syaykh untuk memimpin.

Sekalipun *bai'ah* ini secara zahirnya antara murid dengan seseorang syaykh, namun pada hakikatnya ia adalah janji setia yang dibuat dengan Allah Taala. Firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ يَبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يَبَايِعُونَ اللَّهَ

*Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah*³⁷

Kesimpulan awalnya, dari apa yang telah dibincangkan di atas bahawa, dasar-dasar amalan dalam tarīqah Ahmad iyyah juga adalah sama sebagaimana yang terdapat dalam beberapa tarīqah -tarīqah ḥusfiyyah yang lain. Misalnya, konsep *dhikir*, salasilah, syaykh *mursyid*, *bai'ah*, *talqīn* dan lain-lain lagi. Bagaimanapun beberapa perbezaan dalam kaedah pelaksanaan amalan tersebut merupakan perkara *furu'iyyah* sahaja.

2. *Fatiḥah al-Awrad* (فاتحة الوراد)

Hj Ahmad bin Muhammad Sa'id menerangkan dalam salah satu kitabnya berhubung dengan amalan ini dengan katanya :

*Maka adapun *Fatiḥah al-Awrad* iaitu satu *dhikir* yang *mubārak* yang mengajar akan dia oleh al-Haq Subhanahu wa Tdāla bagi Nabinya Sayyidinā Muṣā a.s. Nabi kita afḍhal solatu wassalam yang adanya menggandakan akan amal dan membanyak akan ia seperti tersebut dalam risalah syarah ḥadith solatan *mawadda'* bagi al-Ustaz Sayyidi Ahmad bin Idrīs r.a. dan dinama akan dia dengan *fatiḥah al-Awrad* ertinya permulaan segala wirid-wirid dikehendaki dengannya*

bahawa sayugia memulai akan dia dengan apa-apa dhikir dan wirid dan amal hingga sayugialah dimulai dengan ia dahulu daripada ia menghendaki akan sembahyang maka adalah yang demikian sebaik-baik amalan seperti kata akan dia oleh al-Ustaz Syyidi Ahmad bin Idris dan menyuruh kepadanya oleh penghulu-penghulu sādati al-Ahmad-iyyah maka lobalah olehmu akan ini kelebihan...³⁸

Penerangan Hj Ahmad mengenai *Fatihah al-Awrād* ini sebenarnya adalah sama dengan apa yang telah arahkan oleh pengasas tarīqah Ahmadīyyah ini iaitu Sayidi Ahmad bin Idris r.a. Menurut beliau lagi, amalan ini sebenarnya diajarkan juga kepada Nabi Mūsā a.s. oleh Allah Ta'ala. Beliau juga menyatakan beberapa kaedah, antaranya, dibaca tiap-tiap kali sebelum solat fardhu atau solat sunat. Mengenai kelebihannya ada diterangkan oleh beliau yang diambil daripada kitab *Lam'at al-Awrād* karangan Sayyidi Syaykh Wan 'Alī Kutān al-Kelantani.³⁹

Dalam amalan yang biasa dilakukan oleh ahli-ahli tarīqah Ahmadīyyah, *Fatihah al-Awrād* biasanya dibaca pada permulaan majlis *dhikir*, majlis *hāul* dan majlis tolak bala. Ianya dibaca sebelum memulakan apa-apa bacaan dan *dhikir*. Berikut adalah sighah *Fatihah al-Awrād*.

اللَّهُمَّ أَنِّي أَقْدَمُ إِلَيْكَ بَيْنَ يَدَيِّكَ كُلَّ نَفْسٍ وَلَحْمَةٍ
وَطِرْفَةٍ يُطْرَفُ بِهَا أَهْلُ السَّمَاوَاتِ وَأَهْلُ الْأَرْضِ وَكُلَّ
شَيْءٍ هُوَ فِي عِلْمِكَ كَائِنٌ أَوْ قَدْ كَانَ أَقْدَمُ إِلَيْكَ بَيْنَ
يَدَيِّكَ كُلَّهُ

Ya Allah ya Tuhan Kami Sesungguhnya kami hadapkan kepada tuhan kami antara hadapan tiap-tiap nafs dan tiap-tiap pandangan dan tiap-tiap kalian yang menaklif dengannya oleh segala isi tujuh lapisan langit

dan segala isi tujuh lapisan bumi dan tiap-tiap sesuatu adalah ia pada ilmu tuhanku yang lagi ada pada masa hadapan atau pada masa yang dahulu hambamu memperhadap kepada tuhanku antara hadapan kemudian itu sekaliannya

Menurut Syaykh Ṣoleh al-Ja'afari, *Fatihah al-Awrād* ini sebaik-baiknya dibaca selepas Maghrib, selepas waktu fajar dan selepas solat Jumaat.. *Fatihah al-Awrād* ini juga dinamakan sebagai *Muqaddimat al-Kubra*.⁴⁰

3. *Al-Tahlīl* (التَّهْلِيل)

Syaykh Ahmad menerangkan tentang *Al-Tahlīl* ini seperti berikut:

*...Kelebihan diantaranya ialah yang telah diriwayatkan daripada Sayyidi Ahmad yang selalu disebut-sebut oleh para guru-guru tarīqah Ahmad-iyyah kami, katanya : Jika seorang hamba mengucap ﷺ يَا رَبِّنَا مُصَدِّقًا من رسول الله صلى الله عليه وسلم dari sejak Nabi Adam a.s. hingga ditiup sangkakala, manakala seorang lain mengucap akan ia akan tahlil ini sebanyak tiga kali malah pada satu riwayat satu kali sahaja nescaya terlebih besar pahala yang membaca tahlil itu. Kelebihan seperti ini adalah harus tidak boleh dinafikan boleh membawa kepada sikap menyempitkan rahmat Allah yang Maha Luas yang meluaskan tiap-tiap apa jua yang dikehendakinya dalam bidang rahmatNya...*⁴¹

Syaykh Ahmad menjelaskan lagi bahawa amalan dan ganjaran membaca dan mengamalkan *tahlīl* ini terlalu besar. Ganjaran-ganjaran pahalanya adalah tidak mustahil bagi orang-orang yang percaya khususnya golongan ahli ilmu kerana berdasarkan firman Allah :

ذلك الفضل من الله وكفى به الله علیما

Yang demikian itu adalah limpah kurnia dari Allah; dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (akan balasan pahalanya).⁴²

Dhikir Tahlīl ini adalah amalan yang paling utama yang sangat digalakkan kerana kelebihannya besar yang ada pada wirid itu. Ia telah dinyatakan dengan panjang lebar oleh Syaykh Hj Ahmad bin Muhamamad Sa'id dalam kitab *Faraīd al-Marwiyyah* dan *Fathu wa Faīdhū wa Faslū Mīnā Allāh Fī Sharh K'alimat Lā Ilāha iLLāllāh Muhammad Rasūlullāh* karangan Syaykh Ṣoleh al-Ja'afari. *Al-Tahlīl* ini adalah wirid yang utama dalam mana-mana majlis *dhikir*, majlis *ḥāul*, majlis tolak bala dan bacaan setiap kali selepas solat fardhu dibaca tiga kali bersama-sama dengan bacaan *Lā ilāha iLLāllāh* dibaca sebanyak empat kali.⁴³ Syaykh Hj Ahmad menegaskan lagi kelebihan *dhikir Tahlīl* ini dengan katanya :

"...ini dijelaskan lagi oleh Ibnu Sinā dalam Kitabnya 'Amāl al-Yaum wa al-Lailatū, dan al-Imām Ibnu Ṣolah guru kepada Imam al-Nawāwī dalam kitab karangan Imam Nawāwī al-Adhkar, dikatakan juga bahawa *Tahlīl* ini mempunyai pahala yang paling besar martabat yang paling tinggi dari segala *dhikir* dan dapat memberi pertolongan yang sangat besar kepada sesiapa jua, kerana ia adalah perhimpunan bagi segala *dhikir*..."
⁴⁴

Sementara itu Sayyidi Syaykh Ṣoleh Ja'afari pula menerangkan kelebihan lain *tahlīl* ini ialah dengan katanya :

...ketahuilah bahawa setiap kali kamu berdhikir *tahlīl* akan dihampiri oleh malaikat yang jalil, dinyałakan padamu cahaya, gugurlah segala dosa-dosamu serta dibukakan padamu pintu-pintu sirr yang ghaib...⁴⁵

...Al-Ustadh Syaykh Muhammad al-Thohir al-Rasyidi al-Ahmadi r.a berkata : Bahawa Solawat Adhimiyyah itu jika dibaca sebanyak dua belas kali dihadiahkan pahalanya kepada roh orang yang mati yang banyak dosa nescaya Allah memindahkannya di tempat yang tinggi, tempat para al-Anbia dan para Siddiqin dan al-Solihin dan jadilah mereka itu sahabat yang baik kepadanya...⁴⁶

Dalam kitab *Mafatih al-Kunuz* karangan Syaykh Soleh al-Ja'afari pula menerangkan bahawa solawat ini dibaca sebanyak 2000 kali bagi ahli *Mutajarrid* iaitu mereka yang tidak ada urusan yang sibuk melainkan untuk Allah. Dan dibaca sebanyak 100 kali untuk ahli *mutasabbib* iaitu mereka yang mempunyai urusan dan kesibukan dan untuk melaksanakannya dengan kadar kemampuan yang ada pada diri.⁴⁷ Sighah *Solawat 'Adhimiyyah* adalah seperti berikut :

اللهم انى اسألك بنور وجه العظيم الذى
ملأاركان عرش العظيم وقامت به عوالم الله
العظيم ان تصلى على مولانا محمد ذى القدر
العظيم وعلى الله نبى الله العظيم بقدر عظيمة
ذات الله العظيم في كل لمحه ونفس عدما فى علم
الله العظيم صلاة دائمة بدوام الله العظيم تعظيمها
ل الحق يا مولانا محمد ياذا الخلق العظيم وسلم
عليه وعلى الله مثل ذالك واجمع بيني وبينه
كما جمعت بين الروح والنفس ظا هرا وباطنا
يقظة ومناما واجعله يا رب روحنا لذاتى من
جميع الوجوه فى الدنيا قبل الاخيره يا عظيم

*Ya Allah bahwasanya hambamu memohon kepadamu dengan nur wajah
Allah yang Maha Besar yang memenuhi ia akan segala penjuru 'Arasy
Allah yang Maha Besar dan berdiri dengan segala Alam, Allah yang
Maha Besar bahawa tuhanku bersalawat atas penghulu kami
Muhammad yang mempunyai kadar yang Maha Besar, dan atas keluarga
Nabi Allah yang Maha Besar, dengan qadar kebesaran Allah yang Maha
Besar, pada tiap-tiap pandangan dan nafs, berbilang-bilang pada
barang yang ada pada ilmu Allah, sebagai solawat yang berkekalan*

dengan berkekalan Allah yang Maha Besar kerana membesarkan bagi haq engkau wahai penghulu kami Muhammad yang mempunyai akhlak yang Maha Besar, dan salam ke atasnya dan ke atas keluarganya seumpama demikian itu, dan himpukan antara aku dan antaranya sebagaimana engkau himpukan antara ruh dan diri, yang zahir dan yang batin, di dalam jaga dan di dalam tidur dan jadikanlah baginya wahai tuhan ruh bagi zatku daripada segala jalan di dalam dunia sebelum akhirat wahai tuhan yang Maha Besar

5. *Al-Istighfar al-Kabir* (الاستغفار الكبير)

Dhikir ini dibaca tiap-tiap kali selepas solat fardhu. Paling kurang dibaca sekali setiap kali selesai solat. Manakala dalam amalan *tariqah Ahmad iyyah Ja'afariyyah*, para muridnya disarankan supaya mengamalkan *al-Istighfar al-Kabir* ini dengan membacanya setiap waktu sahur sebanyak tujuh puluh kali dan selepas setiap solat fardhu sekali, dan ditempat-tempat yang seharusnya dibaca. Apabila membacanya hendaklah dalam keadaan merendahkan diri dan *tawaddu'*. Waktu terbaik ialah pada waktu sahur. Ini adalah berdasarkan pada firman Allah :

وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ

...dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur.⁴⁸

Adapun sifahnya ialah :

اسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ
الْقَيُومُ غَفَارُ الذُّنُوبِ ذَلِكَ الْجَلَلُ وَالْأَكْرَامُ وَاتُّوْبُ
إِلَيْهِ مِنْ جُمِيعِ الْمُعَاصِي كُلِّهَا وَالْذُّنُوبُ وَالْأَثْمَانُ

ومن كل ذنب اذننته عمدًا وخطا ظاهرا وباطنا
 قوله وفعله في جميع حركاته وسكناته وخطراته
 وانفاسه كلها دائمًا ابدا سردا من الذنوب
 الذي اعلم ومن الذنب الذي لا اعلم عددهما احاط
 به العلموا احصاه الكتاب وخطه القلم وعددهما
 اوجدهته القدرة وخصصته الارادة ومداد كلمات الله
 كما ينبغي لجلال وجه ربنا وجماله وكماله وكما
 يحب ربنا ويرضى

"Aku memohon keampunan kepada Allah yang Maha Besar yang tiada tuhan disembah melainkan Dia yang menghidup dan mendirikan (alam) yang mengampunkan segala dosa yang mempunyai segala kebesaran dan kemuliaan dan aku bertaubat kepadaMu dari segala maksiat sekaliannya dan segala dosa dan segala kejahatan dan daripada tiap-tiap dosa yang aku lakukan dengan sengaja dan tersalah zahir dan batin , pada perkataan dan perbuatan dan pada segala gerakku dan diamku dan segala gerak hatiku dan segala nafsu sekalian berkekalan selama-lamanya sentiasa daripada dosa yang aku tahu dan yang tidak aku tahu sebilang-bilang barang yang meliputi akan dia oleh ilmu dan menghabisi akan dia oleh kitab dan menulis akan dia oleh Kalam dan berbilang-bilang barang yang mengada akan dia oleh kudrat dan menentu akan dia oleh iradat dan sebanyak-banyak segala kalimah Allah Taala seperti barang yang layak ia kebesaran wajah tuhan kami dan keelokan dan kesempurnaan dan seperti barang yang dikasih oleh tuhan kami dan redha ia..."

Dalam kitab *Awrād al-Tarīqah al-Ahmadiyyah*, Syaykh Hj Ahmad menambah dengan katanya lagi :

kata Sayyidi Ahmad r.a. dibaca akan ia walau sepuluh kali dan melainkan isim Ya Latif dibacakan ia waktu naik fajar seribu (kali) atau seratus kali pada Sayyidi Ibrāhīm r.a. kami dengar akan dia daripada Sayyidi Muhammad r.a...⁴⁹

Selain daripada ini pengikut tarīqah Ahmad iyyah mengamalkan arahan para guru-guru mereka dan syaykh-syaykh mereka supaya sentiasa membaca al-Qurān,

mendirikan solat-solat sunat, membaca kitab *al-Ahzāb*, membaca *maddih* (pujian-pujian Nabi s.a.w.) dan sentiasa berdhikir.

Method Dakwah Dalam Tarīqah Ahmad iyyah

Dalam bab ini penulis akan menghuraikan beberapa metodologi asas berhubung dengan dakwah yang dijalankan oleh para *mursyid* tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan.⁵⁰ Secara umumnya terdapat tiga bentuk konsep dakwah yang akan dihuraikan iaitu konsep *ta'līm*, *tarbiyyah*, dan *tarqiyah*. Konsep ini adalah bersandarkan kepada asas-asas perjalanan biasa yang sering dilaksanakan oleh sebahagian besar syaykh *mursyid* tarīqah -tarīqah ḥusnīyah dalam memimpin para murid mereka dalam menjalani kehidupan seorang *sālik*.

Syaykh atau *mursyid* dari sudut ilmu tarīqah adalah bererti orang mu'min yang telah mencapai darjat *ahlu'l-fadl*. *Ahlu'l-fadl* ialah 'ulam-a' yang bersifat *al-rāsikhūn* yang beramal dengan ilmunya, menolak keduniaan dan sentiasa beramal untuk akhirat, yang menggabungkan antara *syarī'at* dan *haqīqat*, yang berhias dengan mahkota kebesaran dan kemuliaan (disisi Allah) yang mempunyai akhlak yang terpuji seperti akhlak Nabi s.a.w. dan mempunyai *ma'rifah ilahīyyah*, yang tenggelam dalam lautan keesaan Allah.⁵¹

Menurut Ibn Khaldūn dalam kitabnya *Shifa' al-Sail* menyatakan bahawa, syaykh adalah seorang doktor rohani yang berupaya untuk mengasuh dan mendidik rohani serta menyempurnakan didikannya dan asuhan itu sehingga menjadi seorang yang bersifat *kamil*.⁵² Beberapa orang tokoh 'ulam-a' telah menghuraikan dengan panjang lebar berhubung dengan peranan dan kedudukan *syaykh mursyid* dalam ilmu taṣawwuf atau ilmu ḥarīqah. Antaranya Syaykh 'Abd Wahāb al-Shā'rāni dalam kitabnya *al-Anwār al-Qadsiyyah*, Syaykh al-Hujwiri dalam *Kasyf al-Mahjūb*, Syaykh al-Jurjāni (w.816H) dalam *al-Ta'rīfat*, Syaykh Zakariā al-Kandahlawī dalam *al-Syārī 'at wa al-Tarīqah*, Ibn Khaldun dalam *Shifa' al-Sail Li Tahdhīb al-Masā'il* dan lainnya.

Para syaykh ḥarīqah juga berperanan dalam *ta'līm*, *tarbiyyah* dan *tarqiyah* kepada para muridnya. Mereka ini juga dikenali sebagai syaykh *mursyid*, *murabbi*, *imām*, *dalīl*, *naib*, *khālīfah* dan sebagainya.⁵³ Berhubung dengan hal ini, Syaykh 'Abd Wahāb al-Shā'rāni ada menerangkan maksudnya :

"...Sesungguhnya para syaykh r.h.m., itu adalah para naib (pengganti/wakil) bagi pembawa syari'at s.a.w. dalam urusan mendidik, mengasuh semua manusia..."⁵⁴

Guru-guru dalam ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah biasa di panggil dengan gelaran syaykh. Kadangkala dipanggil juga Tuan, atau Tuan Guru, Sayyidi, Maulānā, Kiyai dan pelbagai lagi gelaran. Mereka ini dikenali sebagai syaykh *ta'līm*, syaykh *tarbiyyah* dan

syaykh *tarqiyyah*. Para syaykh *tarīqah* adalah mereka yang benar-benar telah mendapat didikan dan asuhan yang sempurna. Mereka menjalani proses *ta'lim*, *tarbiyyah* dan *tarqiyyah* daripada para syaykhnya yang terdahulu. Apabila seseorang syaykh *tarīqah* meninggal dunia, wakil atau pengganti kepada syaykh akan mengambil alih tugas-tugas para syaykh. Lazimnya, wakil atau pengganti syaykh inilah yang dikatakan *khālifah syaykh*. Mereka mengambil alih peranan syaykh dalam meneruskan pendidikan asuhan ilmu dan amalan *tarīqahnya* kepada masyarakat umum.

Demikian juga dalam memimpin majlis-majlis *dhikir*, menyelesaikan beberapa masalah para murid dan sebagainya. Mereka juga biasanya terdiri dari *khālifah* kanan syaykh dan mencapai kedudukan tersebut, setelah mendapat isyarat atau *natijah-natijah* atau tanda-tanda yang berdasarkan al-Qurān dan Sunnah Nabi yang *zāhir* dan *bātin* dari syaykhnya untuk mengantikan tempatnya. Mereka juga akan menjadi tempat rujukan murid-murid syaykhnya yang terdahulu dan juga mempunyai murid-murid dan *khālifah-khālifahnya* yang tersendiri. Dalam perkara penggantian syaykh yang baru ini kadangkala menimbulkan masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Syaykh Haji Muhammad Sa'id adalah *khālifah tarīqah Ahmadīyyah* yang telah dilantik dan diberi *ijāzah* mengembangkan ajaran gurunya, Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi.⁵⁵ Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi adalah murid kepada Syaykh Ibrāhīm Rāsyidi dan Ibrāhīm Rāsyidi adalah murid kepada Sayyidi Ahmad bin Idrīs. Maka,

Syaykh Muhammad Sa'id adalah *khalifah* atau *wakil* kepada gurunya di Nusantara ini.

Apabila Muhammad Sa'id memimpin perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah al-Dandarawiyah, maka beliau juga dipanggil sebagai syaykh atau syaykh *mursyid*. Ini adalah kerana kedudukan beliau dan kerohanianya dalam mengembangkan dakwah Islamiyyah awal tahun 1900M di Tanah Melayu ini. Manakala murid-muridnya yang lain, adalah dilantik sebagai *khalifah*nya, seperti Syaykh Haji Muhammad Sa'id dari Negeri Sembilan.⁵⁶

Oleh yang demikian ajaran-ajaran asas dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini tidak boleh ditokok tambah lagi walaupun *khalifah-khalifah*nya mencapai tahap syaykh *mursyid* seperti syaykh Haji Muhammad Sa'id. Beliau bukanlah pengasas ajaran ḥarīqah ini, tetapi sebagai *khalifah* atau wakil gurunya iaitu mengambil alih tugas-tugas guru sahaja. Namun begitu, mereka ini juga boleh mencapai *maqām* sebagai seorang *syaykh mursyid*.

Apabila kewafatan Syaykh Haji Muhammad Sa'id al-Lingga (1875-1926M) iaitu syaykh *mursyid* bagi ḥarīqah Ahmadīyyah di Asia Tenggara,⁵⁷ maka *khalifah*nya yang terkanan iaitu Syaykh 'Abdullah (1905-1956M) telah menggantikan beliau. Dengan itu Syaykh 'Abdullah adalah sebagai syaykh ḥarīqah bagi seluruh *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah yang mengikuti perjalanan ḥarīqah yang dibawa oleh Syaykh Haji Muhammad Sa'id. Selepas kewafatan Syaykh 'Abdullah, maka Syaykh Ahmad (1914-1964M)

menjadi syaykh ḥarīqah yang memimpin *ikhwān* ḥarīqah Ahmad iyyah yang berpusat di Negeri Sembilan. Dan tradisi ini berlanjutan sehingga sekarang dalam perjalanan ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan.

Konsep *Ta'lim*, *Tarbiyyah* Dan *Tarqiyyah*

Ta'lim bererti mengajar. Dalam pengertian lain, seseorang yang mengajarkan seseorang yang lain tentang sesuatu ilmu. Dalam konteks ilmu ḥarīqah ialah, seorang guru (syaykh) yang mengajar murid-muridnya dengan menggunakan kitab-kitab tertentu, menerangkan dan menghuraikan *mafhūm*nya dengan berbagai kaedah pengajaran yang boleh difahami oleh muridnya.⁵⁸ Syaykh Muhammad Amin al-Kurdi menjelaskan :

*Syaykh itu ialah seorang yang sudah mencapai maqām rijāl al-Kamāl, iaitu seorang yang sudah sempurna perjalannya dalam ilmu syārī 'at dan haqīqat menurut al-Qurān, Sunnah dan Ijma', dan yang demikian itu tercapai sesudah sempurna pengajarannya dari seorang Mursyid, yang sudah sampai ke maqām yang tinggi, dari tingkat ke tingkat kepada Nabi kita Muhammad s.a.w. (salasilah) dan kepada Allah s.w.t. dengan kesungguhan, ikatan janji dan wasiat(bai'ah), memperolehi izin dan ijāzah, untuk menyampaikan ajaran-ajaran salik itu kepada orang lain*⁵⁹

Ciri-ciri yang disebut oleh Syaykh Muhammad Amin al-Kurdi inilah antara sifat yang dikatakan sebagai syaykh *ta'lim*. Syaykh yang sebenar itu, tidaklah boleh lari dari sifatnya seorang yang 'alim bukan jahil. Maka syaykh yang arif itu mempunyai sifat-sifat kesungguhan yang sebenarnya. Mereka itulah yang layak memimpin muridnya,

melalui kaedah-kaedah pendidikan menurut al-Qurān dan Sunnah. Sistem inilah yang menjadi asas dalam perjalanan sesuatu ḥarīqah.

Sistem pendidikan Islam di kalangan ḥarīqah -ḥarīqah sufīyyah, adalah berlandaskan kepada zaman Rasulullah. Sejarah awal pendidikan pada awal zaman Nabi s.a.w. menceritakan; bahawa di dalam masjid Nabawī disediakan satu ruang yang tersendiri untuk baginda mendidik para sahabat. Di ruang inilah sebahagian dari mereka menjadikan tempat tinggal dan menerima *ta'lim* ilmu dari Rasulullah. Mereka juga keluar mengikuti perjuangan dan terlibat dalam membangunkan Islam. Golongan ini terkenal sebagai *ahl al-Suffah*. Sebahagian besar dari *ahl al-Suffah* ini terdiri dari sahabat-sahabat yang miskin mengikut Rasulullah ke Madinah.⁶⁰

Al-Suhrawardī (w.653H) dalam kitabnya *'Awārif al-Ma'rīf* menyatakan bahawa *ahl-Suffah* itu adalah bahagian belakang masjid Rasulullah s.a.w. di Madinah. Ia menjadi tempat kediaman orang-orang mu'min yang miskin yang tidak mempunyai keluarga dan tempat tinggal.⁶¹ Jumlah mereka ini dianggarkan seramai 400 orang.⁶² dan semakin bertambah dari semasa ke semasa.⁶³ Antara golongan para sahabat yang dikenali sebagai *ahl-Suffah* ini adalah seperti Bilāl bin Rabah, Salmaṇ al-Fārisī, Abū 'Ubaidah bin al-Jarrah, Abū Yaqzan 'Amr bin Yassīr, 'Abdullāh bin Mas'ūd al-Huḍhālī, 'Utbah bin Mas'ūd, Miqdād bin al-Aswād, Khabbab bin al-Āraāt, Shūhaib bin Sinan, Abū Dhar Jundab bin Junādah al-Ghifari, 'Abdullāh bin 'Umar dan ramai lagi.⁶⁴ Syaykh Imād al-Dīn al-Umawī menyatakan bahawa jumlah mereka hampir seribu orang di

kalangan sahabat dan ṭabi'in.⁶⁵ Di dalam al-Qurān golongan ini digambarkan seperti berikut :

لِلْفَقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يُسْتَطِعُونَ
ضَرَبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُونَ أَغْنِيَاءَ مِنْ
الْتَّعْفُفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ
إِلَحَافًا وَمَا تَنْفَقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Bagi mereka yang fakir yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam) mereka tidak berupaya mengembara di muka bumi, mereka disangka kaya oleh orang-orang jahil kerana mereka menahan diri dari meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya...⁶⁶

Ibn Taimiyyah ada menyatakan bahawa di kalangan orang-orang mu'min yang fakir dari *ahl-Suffah* ini dan orang lainnya juga bekerja dan mencari rezeki. Tetapi pekerjaan mereka itu tidak menghalang mereka dari dari menunaikan kewajipan yang dirasakan lebih penting dan dan lebih berhak dan dicintai oleh Allah dan RasulNya.⁶⁷ Kesan daripada cara hidup *ahl-suffah* inilah maka timbulnya sistem pengajian Islam tradisional di kalangan golongan ahli sufi dengan mendirikan institusi *zāwiyyah*, *ribāth*, *khawāniq*, *khanqah*, *dair*, *tekke* dan pelbagai nama lain.

Di Nusantara, ia dikenali dengan pasantren, dayah, pondok, madrasah dan sebagainya. Kesemua institusi ini merupakan satu pusat pendidikan khusus mendidik umat Islam melalui kaedah teori dan amali. Biasanya institusi ini dipimpin oleh sebahagian besar pengamal *tarīqah* -*tarīqah* *sufiyyah* dan menjadi syaykh dalam

sesuatu tarīqah. Di sinilah secara tidak langsung pelajaran tasawwuf diperkenalkan.

Pada asasnya, ajaran tasawwuf dan amalan dalam tarīqah ṣufiyyah hanya di ajar di kalangan mereka yang mengambil *bai'ah* samada dengan syaykh tarīqah atau wakilnya. Mereka sentiasa dalam pengawasan syaykh yang memimpin pelajaran para muridnya. Sayyidi Syaykh Soleh menyatakan hal ini dalam salah satu bait syairnya:

حضورى عدد اخذ العهد حقا
لأشهد بيعة وانا الوصى
حضورى رحمة والورد نور
ونور الله بسيدنا النبى

*Aku sebenarnya hadir ketika ketika murid mengambil janji
Untuk menyaksikan dan aku berwasiat
Kehadiranku membawa rahmat dan wirid itu nur
Nur Allah dan Sayyidinā Nabi⁶⁸*

Para syaykh tarīqah Ahmad iyyah semenjak dipimpin oleh Syaykh Muhammad Sa'id, sehingga sekarang, melaksanakan kaedah pendidikan tradisional ala pondok berdasarkan penggunaan *Kitab Jawi* yang diajar melalui *halaqah-halaqah* atau sistem "buka kitab". Kebanyakkan sistem pendidikan tradisional Islam, seperti di pondok-pondok, cara inilah yang masih digunakan. Setiap murid akan mempunyai kitab yang tersendiri, membuat *halaqah* atau mengadap guru yang akan membacakan kitab dan menerangkan isi pengajarannya. Murid akan menyemak teks dan guru melakukan soal jawab bersama murid atau beliau melakukannya sendiri untuk menarik kefahaman para muridnya.

Menurut Prof Abu Bakar Aceh, seorang syaykh *mursyid* itu mempunyai tanggungjawab yang berat. Syaykh mestilah seorang yang ‘*alim* dan ahli dalam memberikan tuntutan-tuntutan kepada murid-muridnya dalam ilmu *fiqh*, ‘*aqidah* dan *tauhid* dengan pengetahuan yang dapat menjauhkan sebarang sangkaan-sangkaan dan keraguan daripada para muridnya mengenai persoalan-persoalan tersebut.⁶⁹

Gambaran biasa kedudukan syaykh *ta’lim* semasa mengajar ialah dalam kedudukan yang mengadap para pelajar, dan para pelajar akan memusatkan pandangan dan pemerhatian mereka kepada ucapan-ucapan syaykh. Para pelajar membentuk satu lingkaran dengan adab dan tertib dan tidak melampaui batas-batas tempat yang menjadi hak syaykhnya. Inilah antara adab bagi murid yang sedang belajar yang diajarkan oleh ‘ulam-a’ -‘ulam-a’ sufi. Syaykh akan memulakan pelajaran dengan membaca *basmalah*, diikuti salawat dan salam bagi Rasulullah serta keluarganya, para sahabat, para ṫabi’īn dan seluruh *masyaikh*, muslimin dan muslimat dan surah *al-Fatiḥah*. Dalam memulakan pelajaran juga syaykh yang memberi *ta’lim* akan membacakan beberapa potong ayat-ayat al-Qurān. Beliau juga akan mengingatkan akan pelajaran yang terdahulu untuk perhatian para muridnya. Sesudah *muqaddimah* ini, barulah syaykh akan memulakan pelajarannya.⁷⁰

Kebiasaan para syaykh akan memberikan *ta’lim* dengan mengikut kadar kemampuan kefahaman yang boleh dicapai oleh para muridnya. Proses pengulangan pelajaran biasanya akan berlaku dari masa ke semasa secara beransur-ansur. Ini adalah kerana bukan semua murid yang mendengar pengajarannya syaykhnya itu mendapat

kefahaman. Mungkin ada sebahagian murid itu buta huruf atau sudah tua, ada yang muda dan pelbagai macam dan karenahnya. Syaykh akan menghuraikan segala permasalahan dan juga pelajaran yang sukar difahami akan dihuraikan dengan sebaiknya. Segala cabang ilmu dalam sesuatu bab akan diulas dengan panjang lebar.

Syaykh pada satu peringkat mengaitkan pelajarannya dengan peristiwa semasa atau yang berlaku dalam kehidupan seharian. Dengan cara ini, disiplin ilmu itu akan semakin meningkat dan berbekas dalam kefahaman muridnya. Ibn Khaldūn dalam kitabnya *Muqaddimah* menerangkan dengan jelas, metodologi *ta'lim* yang lazimnya dilakukan oleh seorang syaykh memandu muridnya sehingga mencapai tahap yang membanggakan.⁷¹

Umumnya sejarah perkembangan pendidikan Islam di kalangan masyarakat Melayu Nusantara bermula dengan penggunaan kitab-kitab dalam bahasa Arab yang kemudiannya dialih bahasakan dalam bahasa Melayu yang kemudiannya dikenali dengan *Kitab Jawi* atau *Kitab Turāth*. Perkembangan bermula dengan hebatnya sejak abad ke-17 sehingga awal abad ke-20.⁷² Ini adalah disebabkan sebahagian besar masyarakat masyarakat di alam Melayu ketika itu tidak semuanya mengetahui bahasa Arab, melainkan mereka yang melalui institusi pendidikan yang dianggap sebagai pusat pengajian tinggi Islam ketika itu.

Antara kitab-kitab tasawwuf yang menjadi rujukan utama para pengamal tarīqah -tarīqah ṣufiyyah⁷³ ketika itu contohnya seperti kitab *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*, *Bidayat al-Hidāyah*, *Minhāj al-‘Ābidīn* oleh al-Ghāzali,⁷⁴ *Hidāyat al-Sālikīn*, *Sirr al-Sālikīn* oleh Abd Samad al-F alimbāngi,⁷⁵ *Hikam Ibn ‘Aṭaillāh* oleh Tok Pulau Manis,⁷⁶ *Durr al-Nafīs* oleh Muhammad Arsyād al-Banjāri,⁷⁷ *Tāj al-Arūs*, *Fath al-‘Arīfiṇ* dan sebagainya.

Dalam *tauhīd*, kitab yang menjadi rujukan ialah *Matan Sanusi*, *Kitab Abd Salām*, *Kitab Farīdah*. Sementara dalam *Fiqh* digunakan kitab *Iqnā’*, *Fath al-Mu‘īn*, *Muniyyat al-Musallī*, *Fath al-Qarīb* dan *Minhāj al-Tālibīn*. Dalam *tafsīr* digunakan *Tafsīr al-Nasafī* dan *al-Jalālayn*. Dalam *hadīth* digunakan kitab *Mutammimah*, *Kawākib al-Durriyyah*, *Matan al-Ajrūmiyyah*, *Jawāhir al-Maknūn*, *Mukhtasar al-Ma‘āni*, *Mughnī al-Labīb*, *Asymūni* dan lain-lain.

Sebahagian besar pemimpin tarīqah Ahmadīyyah adalah merupakan mereka yang mempunyai kelulusan agama yang diperolehi dari tanah Arab ketika itu. Ini membolehkan mereka menjadi pengajar atau *ta’lim* kepada pengikut dan murid masing-masing. Ini adalah bersesuaian dengan peranan dan ciri seorang syaykh yang mengasuh muridnya. Tidak dinafikan bahawa keluarga besar Syaykh Muhammad Said, hampir kesemuanya menuntut di Mekah, Madinah dan al-Azhar, Mesir. Tradidi keilmuan yang dijaga, membolehkan mereka semuanya menjadi tokoh ‘alim علماء yang berwibawa. Ini adalah bertepatan dengan kehendak-kehendak dalam ilmu tasawwuf. Para syaykh tarīqah

iqah Ahmad iyyah Negeri Sembilan, selain daripada mengajar ilmu taṣawwuf, mereka juga mengajar ilmu *fiqh* (*syari'at*) dan *tauhid* ('*aqidah*)

Kebolehan para syaykh ḥarīqah ini adalah bertepatan dengan ciri-ciri sebagi sorang syaykh *mursyid* yang boleh mengajar dan mendidik para muridnya dalam ilmu *syari'at*, '*aqidah* dan taṣawwuf sekaligus. Perkara ini adalah antara masalah yang sering disalah tafsirkan oleh masyarakat umum, berhubung dengan pengamal ḥarīqah. Mereka dikatakan hanya beramal dengan ilmu taṣawwuf tanpa *syari'at*. Menurut mereka lagi, pengikut ḥarīqah itu hanya belajar dengan syaykhnya sahaja tanpa dilihat belajar seperti orang kebanyakkannya melalui majlis ilmu yang umumnya diadakan di masjid-masjid, madrasah atau di surau-surau.

Anggapan ini sebenarnya adalah salah. Para syaykh ḥarīqah juga adalah mereka yang '*alim* dalam ilmu *fiqh* dan sebahagian besar mereka ini mengajarkan kepada murid-muridnya berhubung dengan masalah *fiqh* atau *syari'at*. Ilmu taṣawwuf itu sendiri adalah peningkatan dari *syari'at* dan *tauhid*. Kebiasaan guru-guru ḥarīqah ini telah mendalami ilmu-ilmu *syari'at* dan *tauhid* sebelum berkecimpung dalam bidang taṣawwuf. Ini boleh dibuktikan melalui tulisan Ibn 'Ajjibah dalam kitabnya *Iqāz al-himām fī Syarh al-Hikam*. Beliau menceritakan bagaimana keadaan yang berlaku kepada Ibn 'AtailLāh sendiri yang pada mulanya adalah seorang pakar dalam bidang *fiqh* dan *tauhid*. Akhirnya, setelah mendalami pengajaran-pengajaran seorang ulama sufi

iaitu Syaykh Abū ‘Abbās al-Mursī (w.686H) beliau telah berkecimpung dalam bidang taṣawwuf dan menjadi muridnya.

Ibn ‘AtailLāh kemudiannya menjadi syaykh ḥarīqah al-Syādhiliyyah selepas kewafatan gurunya.⁷⁸ Berhubung dengan kepentingan ilmu *syari’at* beliau mengakui sebagaimana pendapat Syaykh ‘Abd Wahāb al-Sha’rāni katanya :

Dan setengah daripada urusan (adab) seseorang murid itu ialah tidak menjadi murid kecuali kepada syaykh yang telah dapat menguasai berbagai ilmu shari’ah. Dan yang demikian itu ia tidak perlu menemui (belajar) dari orang lain...⁷⁹

Bagaimanapun, apabila syaykhnya itu tidak ‘alim dalam bidang *syari’at*, maka tidak menyalahi adab seseorang *sālik*, jika muridnya itu belajar dari seorang ‘alim yang lain. Atau kesukaran murid itu untuk mendatangi pengajian syaykhnya disebabkan tinggal jauh, maka murid itu meminta izin dari syaykhnya untuk belajar dengan guru yang lain dalam ilmu *syari’at* atau *fiqh*, ini juga tidak menyalahi adab. Bagaimanapun adalah terlebih baik bagi syaykh itu seorang yang ‘alim dalam bidang *syari’at* dan memberi faedah bagi dirinya dan murid yang dipimpinnya. Ini adalah kerana murid itu tidak perlu mencari seorang guru yang lain untuk belajar ilmu *syari’at*. Syaykh Junaid al-Baghdādi menyatakan :

Apabila Allah mengkehendaki memberi kurnia kepada seseorang murid itu dengan seseuatu kebaikan maka akan ditetapkanNya dengan bersahabat dengan ‘ulama’ ahli sufi dan mencegahnya dari bersahabat dengan segala fuqahā’ dan ahli Jidal (mereka yang berselisih dalam masalah-masalah ilmu) ...⁸⁰

Syaykh *ta'lim* dalam gerakan *tarīqah* Ahmad'iyyah adalah syaykh yang mengajar sebahagian besar muridnya melalui kaedah mengajar secara berkitab. Kebiasannya, *ta'lim* seperti ini diadakan di madrasah, masjid, surau dan juga rumah syaykh sendiri. Syaykh Muhammad Said sekembalinya dari Mekah, menyebarkan ajaran *tarīqah* Ahmad'iyyah dengan bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Pada awalnya beliau menetap di daerah Rembau⁸¹ dan kemudiannya berpindah ke Ampangan, Seremban. Di sinilah pusat kegiatan ini mula-mula didirikan dan kemudiannya merebak ke beberapa tempat yang lain seperti di Kuala Pilah, Rasah dan Rantau.⁸² Pusat kegiatan beliau di sini adalah merupakan sebuah surau yang didirikan untuk mengajar para muridnya.

Syaykh Ahmad tokoh *tarīqah* Ahmad'iyyah yang terkenal dengan gelaran al-Dandarawi juga menjadi guru *ta'lim* kepada para pengikut *tarīqah* Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan. Beliau mengambil daya usaha mengembangkan ajaran *tarīqah* Ahmad'iyyah sehingga keluar dari daerah Seremban dengan mengajar di masjid dan surau di daerah Rantau, Kuala Sawah hingga ke daerah Rembau. Beliau mengajar ilmu *syari'at* dan *taṣawwuf*. Beliau kemudiannya telah mendirikan pusat *ta'lim* khusus untuk para pengikut *tarīqah* Ahmad'iyyah dan masyarakat Islam umumnya. Madrasah al-Sa'idiyyah telah didirikan bertujuan untuk mengajarkan dan menyebarkan ilmu-ilmu tradisional Islam, ilmu *taṣawwuf* khususnya ajaran-ajaran *tarīqah* Ahmad'iyyah.⁸³

Syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah memainkan peranannya sebagai syaykh *ta'lim* dengan sebaik-baiknya. Mereka bukan sahaja memberi *ta'lim* dalam bidang *syārī'at*, malahan menyentuh bātin dan *haqīqat* sesuatu *syārī'at* itu. Misalnya dalam mengajarkan ibadat berpuasa, selain dari syarat dan rukunnya, diterangkan bagaimana penghayatan puasa dengan beberapa rahsia-rahsia yang tersirat terkandung di dalamnya. Maka tentulah amat berbeza di antara *ta'lim* seorang syaykh ḥarīqah yang mengetahui ilmu ẓāhir dan bātin dengan *ta'lim* seorang *mu'alim* yang memiliki ilmu ẓāhir semata-mata. Sebabnya ialah, guru ḥarīqah yang *mursyid* itulah mereka yang berilmu dan beramal dengan ilmunya. Maka kurasannya dalam sesuatu pelajaran ilmu itu amat meluas terutama dalam menghuraikan sesuatu hukum dan masalah dalam Islam. Ilmu mereka ini bukan sekadar ilmu *syārī'at*, malahan merangkumi *ma'rifat* dan *haqīqat*.

Inilah *manhaj* ilmu para golongan ṣufiyyah. Ia memberi *barakah* dan manfaat kepada muridnya dan memberi bekas kepada orang yang mendengarnya *ta'lim*nya. Sehingga Imam al-Shāfi'ī r.a. pernah berkata maksudnya :

“...orang-orang yang 'alim dalam di dalam ilmu fiqh perlu mengetahui istilah golongan al-Ṣufiyyah agar mereka itu dapat memberikan faedah ilmu yang tidak dimiliki...”⁸⁴

Tarbiyyah

Syaykh ḥarīqah Ahmadiyyah juga merupakan syaykh *tarbiyyah*. *Tarbiyyah* bererti murid atau *sālik* itu diberikan *tarbiyyah* oleh syaykhnya dalam pendidikan, asuhan atau penjagaan. Maka asuhan atau penjagaan ini bermaksud asuhan jiwa atau rohaniyyah dengan pembersihan dari sifat-sifat *madhmūmah* (*al-takhliyah*) dan menghiaskan hati dengan sifat-sifat *mahmūdah* (*al-tahliyyah*). Oleh itu syaykh *tarbiyyah* dalam ilmu ḥarīqah bermaksud syaykh yang mendidik dan mengasuh muridnya untuk beramal saleh dan berakhlak mulia, menerusi amalan dan tingkah laku yang terpuji syaykh itu sendiri, selain dari nasihatnya yang berfaedah, dapat memberi kesan dalam hati murid itu untuk menghindari sifat tercela.

Tarbiyyah dalam konteks ilmu ḥarīqah ini adalah meliputi *tarbiyyah zāhiriyah* dan *bātiniyyah*. Perdampingan murid dengan syaykhnya akan memberi kesan dalam mendapatkan *barakah* dan dan limpahan sifat-sifat terpuji dan mewarisi tingkah laku mulia dan pekerti baik syaykhnya. Ini bersesuaian dengan maksud ḥadith Rasulullah s.a.w. *mafhūmnya* :

Daripada Ibn 'Abbas r.a. berkata ; Wahai Rasūlullāh , siapakah yang paling terbaik di kalangan kami untuk didampingi ? Nabi berkata : Orang yang terbaik di kalangan kamu ialah orang yang mengingatkan kamu kepada Allah bila memandangnya, menambahkan ilmu kamu oleh percakapannya dan mendekatkan kamu kepada akhirat oleh amalamnya...⁸⁵

Para sahabat sentiasa berhubung erat dengan Rasūlullāh s.a.w. sehingga mereka beroleh pelbagai ilmu, iman, ‘amal, *ma’rifah* dan sebagainya dari Rasūlullāh s.a.w. Begitu juga keadaan kalangan ṫabi’īn dengan para sahabat, ṫabi’ al-ṭabi’īn dengan angkatan para ṫabi’īn dan seterusnya dari peringkat kepada peringkat yang lain sehingga sekarang. Para syaykh *mentarbiyyah* muridnya dengan pelbagai cara. Syaykh ḥarīqah adalah golongan ‘ulamā’ yang penuh dengan limpahan keilmuan yang dapat dicurahkan bukan sahaja kepada lingkungan pengikutnya, malahan masyarakat Islam yang lain. Para syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah misalnya, merupakan tokoh-tokoh agama yang disegani di kalangan masyarakat Negeri Sembilan. Syaykh Ahmad al-Dandarīawi selain dari *mursyīd* ḥarīqah Ahmad iyyah, juga adalah sebagai Mufti kerajaan Negeri Sembilan.

Selain dari itu, *khālifah-khālifah* kanan mereka juga terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai jawatan dalam kerajaan seperti guru, nazir, tokoh agama, akademik dan lain-lain lagi. Keadaan ini tentulah menjadi satu rahmat kepada perkembangan dakwah ḥarīqah Ahmad iyyah. Pandangan dan penilaian masyarakat terhadap peribadi beliau kesan dari amalan *lāhiriyah* dan *rōhāniyyah* yang berteraskan amalan ḥarīqah ṣufiyyah, menyebabkan sebilangan besar masyarakat Negeri Sembilan tertarik untuk sama-sama beramal dalam ḥarīqah ini. Ketokohan beliau dalam bidang agama juga menjadi satu cara *tarbiyyah* beliau kepada para muridnya.⁸⁶

Disiplin ilmu-ilmu Islam yang diterapkan dalam sistem pendidikan di Madrasah al-Sā'idiyyah menjelaskan dakwah dan *tarbiyyah* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Disiplin berpakaian, akhlak, solat berjamaah sehingga menyentuh perkara-perkara remeh seperti amalan menjaga pemakanan, dititik-beratkan.⁸⁷ Beliau juga membimbing muridnya cara-cara beramal dengan ḥarīqah Ahmadīyyah, *dhikir-dhikirnya* dan memahamkan kepada mereka tentang ajaran-ajaran ḥarīqah ini. Majlis-majlis *dhikir* dan *haul*⁸⁸ dipimpin sendiri oleh beliau dan para muridnya dimestikan hadir dalam setiap majlis *dhikir* dan *haul* ini. Majlis *haul* ini bermaksud:

Sebagaimana yang telah diadatkan bagi ahli al-ḥarīqah al- Ahmadīyyah bahawa mereka itu memperbuat akan haul bagi guru-guru mereka itu Asyaduna al-Kirām dan pada ketika itu adalah mereka itu berhimpun kerana haul-haul yang tersebut dan adalah mereka itu mengadakan padanya akan majlis-majlis dhikir maka dengan berhimpun pada tempat-tempat yang diperbuat padanya akan haul-haul itu maka sudah sepatut diberi kepada mereka itu akan apa-apa satu nasihat atau syaranan berkenaan dengan kedudukan ibadat atau dhikir atau ilmu akhirat atau ilmu ḥarīq supaya adalah yang demikian itu sebagai satu panduan atau pengajaran bagi mereka itu...⁸⁹

Kebanyakkan para muridnya ini tinggal berhampiran dengan madrasah tersebut dengan mendirikan pondok-pondok kecil yang lengkap dengan peralatan memasak dan keperluan sehari-hari sebagaimana lazimkan pelajar-pelajar pondok. Boleh dikatakan, para pelajar yang belajar di madrasah tersebut sentiasa berdampingan bersama-sama dengan Syaykh Ahmad. Pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan juga berperanan sebagai syaykh yang mendidik, mengasuh dan memimpin para muridnya. Pergaulan para syaykh dengan muridnya, adalah seumpama pergaulan Rasulullah dengan para

sahabat. Syaykh memandang muridnya dengan penuh perasaan kasih sayang dan memimpin kepada jalan yang diredhai oleh Allah. Sikap syaykh ini, dijagai oleh para murid dengan penuh adab dan akhlak. Para syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan juga memastikan perjalanan dan disiplin ḥarīqah dijaga, supaya jalan *ma'rifatillāh* itu dapat dicapai dengan sempurna.

Selain dari mereka yang berada di madrasah ini, pengikut Ahmadīyyah juga terdiri dari mereka yang berada di setiap pelusuk tempat dan kampung seperti di sekitar Seremban, Rantau, Port Dickson, Rembau dan Kuala Pilah. Hampir dikatakan setiap pelusuk daerah di Negeri Sembilan terdapat pengikut ḥarīqah Ahmadīyyah. Keadaan ini dapat dilihat dalam masa ḥarīqah Ahmadīyyah dibawah pimpinan Syaykh Ahmad al-Dandarāwi. Boleh dikatakan 70-75 peratus masyarakat Islam di Negeri Sembilan menerima amalan ḥarīqah Ahmadīyyah.⁹⁰

Ini adalah kesan dari perkembangan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah ketika itu. Ketokohan Syaykh Ahmad sebagai *mursyīd* yang juga sebagai syaykh dalam *ta'lim* dan *tarbiyyah* membantu perkembangan ajaran ḥarīqah ini samada untuk muridnya dan masyarakat umum. Syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan dalam mentarbiyyah para muridnya, tidak sunyi dari merujuk pelbagai kitab khususnya dalam bidang taṣawwuf. Segala inti pati ajaran-ajaran ḥarīqah diolah dengan pelbagai cara

untuk menarik kefahaman para muridnya. Contoh *tarbiyyah* yang paling mudah ialah syaykh dalam *ta'lim* mengajarkan muridnya supaya bersifat sabar, redha, tawakkal dan seumpamanya.

Maka dalam *tarbiyyahnya*, jika murid itu ditimpa masalah, syaykh akan menyuruhnya bersabar, redha dengan takdir Allah dan bertawakkal dengan melakukan segala amalan kebaikan dan mencegah kejahanan. Jika murid itu selalu berdamping dengan syaykhnya maka dapatlah ia mempraktikkan *ta'lim* dan mendapatkan *tarbiyyah* gurunya secara langsung.

Kebanyakkan tokoh-tokoh Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan yang menjadi syaykh *tarbiyyah* terdiri dari kalangan keluarga Syaykh Muhammad Sa'id al-Linggi. Ini adalah kerana kewibaan keluarga Syaykh Muhammad Sa'id sendiri yang menjadikan disiplin ilmu agama sebagai salah satu daripada adab dalam ilmu *tarīqah*. Secara tidak langsung, mereka ini mendapat otoriti sebagai memimpin perjalanan agama dan *tarīqah* Ahmad'iyyah. Ia juga adalah antara *maslahah* untuk menjaga perjalanan *tarīqah* Ahmad'iyyah dari dicemari oleh mereka yang tidak memahami konsep kepimpinan.⁹¹

Bagaimanapun dalam sejarah perkembangan *tarīqah* Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan, salah seorang dari *khālifah* Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'id telah pun sampai kepada peringkat Syaykh yang boleh memberi *tarbiyyah*. Beliau adalah Hj Aris

atau dikenali sebagai Lebai Aris. Beliau telah berjaya menegembangkan ajaran tarīqah Ahmad iyyah dan mendirikan sebuah perkampungan Islam di Siak, Sumatera. Murid-muridnya dikenalpasti masih ada sehingga ke hari ini.⁹²

Tarbiyyah dalam ilmu tarīqah juga adalah dalam bentuk *tarbiyyah bātiniyyah* atau *tarbiyyah rōḥāniyyah* sebagaimana yang telah disentuh secara ringkas sebelum ini.. Perjalanan kerohanian murid atau seseorang *śalik* itu di bawah kawalan syaykh tarīqah itu sendiri yang menjadi *murabbīnya*. Sebab itulah syaykh tarīqah kadangkala dikenali sebagai syaykh *murabbī*. Maksudnya, syaykh yang mempunyai ilmu *bātin* yang lengkap berkaitan dengan *haqīqat* Allah, sifat-sifat-Nya, *asma'-Nya*, *af'āl-Nya*, *zat-Nya* secara terperinci serta segala rahsianya.

Syaykh juga adalah mereka yang telah mendapat segala *tarbiyyah* dan asuhan yang sempurna terlebih dahulu dengan segala limpahan *nūr bātin* dan *sakinah* dari syaykhnya yang terdahulu. Mereka telah melalui perjalanan sebagai seorang *śalik* yang beroleh *tarbiyyah* dari seorang syaykh yang *mursyid*. Demikian itu, barulah boleh syaykh itu memimpin seseorang murid menjadi *śalik* yang sempurna perjalanannya dalam mencapai matlamat *ma'rifatullāh*.

Dalam hal ini, maka sekalian para murid itu mestilah menjaga pelbagai adab dan sentiasa bersama-sama dengan syaykhnya. Perdampingan yang erat dan berpanjangan

antara murid dan syaykhnya itu akan membawa kesan yang mendalam dalam dirinya serta membentuk akhlak, peribadi dan pemikiran sebagaimana ada dalam diri syaykhnya itu. Konsep ini dalam ilmu ḥaḍīth dikenali dengan istilah *al-ṣuhbah* dan *al-Mujālāsah*. Syaykh Muhammad bin 'Ubād menjelaskan ;

*Dan hasil daripada ini bahawasanya bersahabat dengan ahli sufi itu akan beroleh manfaat yang sempurna sekali, tidak diperolehi sekali-kali dari selain mereka (ahli sufi) ini yang dinisbahkan kesempurnaan itu dalam ilmu dan agama*⁹³

Pergaulan para sahabat dengan Rasulullah s.a.w. menjelaskan lagi konsep ini. Eratnya pertalian diri mereka dengan Rasulullah adalah bukan sekadar hubungan zahir malahan sehingga meliputi kerohanian. Pekerti dan akhlak Rasulullah meresapi pembentukan peribadi para sahabat. Mereka inilah yang dikatakan berjalan pada dasar dan sunnah Rasulullah s.a.w. meliputi perjalanan, haluan, peraturan, gaya, tingkahlaku atau perlakuan dalam kehidupan samada perbuatannya, percakapannya, *taqrīrnya* dan segala apa yang dinisbahkan kepada baginda.⁹⁴

Para sahabat ini kemudiannya diwarisi pekerti mereka oleh golongan tabi'in dan seterusnya sehingga berjalan tradisi ini turun temurun oleh kalangan para 'ulam-a' yang salih serta benar sifatnya sehingga kini. Para 'ulam-a' inilah yang ditunjukkan oleh Rasulullah sebagai pewaris para nabi. Mereka inilah yang mempunyai keimanan dan keilmuan dan mendapat petunjuk dan ni'mat dari Allah. Jalan mereka inilah sebagaimana yang disebut dalam firman Allah:

وَمَنْ يَطِعُ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّدِيقِينَ وَالشَّهِيدِينَ وَالصَّالِحِينَ وَهُنَّ أَوْلَئِكَ رَفِيقًا

*Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama dengan orang-orang yang telah dikurniakan ni'mat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-Nabi, orang-orang yang *Siddiqin*, dan orang-orang *syahid*, serta orang-orang yang *salih*. Dan amatlah elok mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taati)⁹⁵*

Adalah amat wajar sekali para syaykh itu sentiasa didampingi oleh para muridnya dalam proses *pentarbiyyahan* rohani mereka. Sehubungan dengan inilah, maka dilihat para murid dalam *tarīqah* Ahmadīyyah ini sentiasa berdamping dengan syaykh mereka. Dan berlaziman mengikuti peribadi syaykh mereka. Mereka sentiasa mendapat nasihat dan tunjuk ajar syaykh dalam segala hal. Contohnya, beberapa orang murid yang belajar di pondoknya keluar ke bandar Seremban pada hujung minggu. Mereka ini dikatakan melanggar beberapa arahan yang ditetapkan oleh Syaykh Ahmad sehingga akhirnya ketika waktu pulang seolah-olah tergambar wajah beliau di mana-mana sahaja. Ini menyebabkan mereka terpaksa mengakui kesalahan mereka dihadapan beliau tanpa dipinta. Ini menunjukkan betapa kuatnya hubungan kerohanian antara guru dengan murid walaupun duduk berjauhan.⁹⁶

Jarang sekali kedengaran berlakunya kekerasan syaykh kepada para murid. Biasanya para syaykh tidak langsung menggunakan kaedah merotan atau melakukan kekasaran kepada muridnya. Dalam sejarah pengajaran ilmu *tarīqah*, syaykh

sebenarnya memberikan sepenuhnya kasih sayang dan tumpuan kepada *tarbiyyah* dan pengajaran kepada muridnya dengan limpahan kasih sayang. Sebagaimana perlakuan para nabi kepada sahabatnya. Ketegasan dalam pengajaran ilmu-ilmu Islam sememangnya disarankan. Contohnya, Rasulullah sendiri menegaskan supaya kanak-kanak yang sudah mencapai umur sepuluh tahun jika tidak melakukan solat hendaklah dirotan atau dimarahi. Rasulullah juga memberi penegasan kepada para sahabatnya dengan pelbagai cara. Semua ini menjadi iktibar dan *tarbiyyah* dalam kehidupan mereka . Di jelaskan dalam al-Qurān sifat-sifat nabi dan para sahabat ini :

مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشْدَاءُ عَلَى الْكُفَّارِ
رَحْمَاءُ بِيْنَهُمْ

Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam).⁹⁷

Keadaan yang sama juga berlaku di kalangan syaykh tarīqah Ahmad iyyah ini. Pentarbiyyahan mereka ini selain dari maksud di atas adalah bersandarkan kepada penyerahan kepada Allah semata-mata. Apa yang ditarbiyyahkan oleh seseorang syaykh itu hakikat dan maksudnya hanyalah ditentukan oleh Allah dalam ilmunya yang *qadim* lagi *azāli*. Boleh jadi apa yang akan diajarkannya itu diterima oleh murid tersebut, dan boleh jadi tidak diterima. Unsur-unsur kekerasan sebenarnya digantikan dengan kata-kata kiasan, bidalan, sinis dan isyarat-isyarat lain dari syaykh, yang boleh difahami maksudnya.

Dalam erti kata lain syaykh itu cara *tarbiyyah*nya amat halus sekali. Kadangkala berlawanan dengan akal fikiran biasa. Maksud dan kehendak-kehendak syaykh itu adalah tersirat. Syaykh dalam masa tertentu akan meregangkan ikatannya dengan muridnya itu sebagai satu ujian kepada muridnya. Maka, hal ini bukanlah bermaksud syaykh itu membenci muridnya. Wujud masalah murid yang menyangkakan bahawa syaykh pilih kasih dalam memberi *tarbiyyah* kepada seseorang murid dengan murid yang lain. Inilah cara *tarbiyyah* yang dikatakan tidak boleh ditafsir dengan aqal yang biasa.

Mungkin sebahagian murid itu tidak baik akhlak dan pekertinya. Maka para syaykh *tarīqah* ini, semestinya sentiasa mendoakan kepada Allah supaya muridnya ini mendapat petunjuk dari Allah dalam perjalanan atau *saliknya* itu. Penyerahan ini adalah semata-mata bahawa Allah yang mengetahui segalanya, sedangkan mereka hanya sebagai pembimbing sahaja. Hal ini diterangkan oleh Allah dalam al-Qurān bermaksud.

*"...dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu,
dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu.
Dan (ingatlah) Allah jualah Yang Maha Mengetahui (semuanya itu)
sedang kamu tidak mengetahui..."⁹⁸*

Para syaykh *tarīqah* Ahmadīyyah itu juga adalah ikhlas dalam mentarbiyyah murid-muridnya dan masyarakat sekelilingnya. Menghamburkan segala ilmu dan membimbing muridnya dengan bersungguh-sungguh. Ada kalanya mereka itu sanggup berjalan berpuluhan-puluhan batu hanya semata-mata untuk menyampaikan dakwah dan

ajaran Islam. Dalam sejarah penyebaran *tarīqah* Ahmadīyyah, para syaykh *tarīqah* ini bukan sahaja berdakwah di Negeri Sembilan malahan menjangkau di Siak,⁹⁹ Riau, Thailand, Burma, Vietnam, Kemboja, Brunei dan lain-lain lagi.¹⁰⁰ Hasil dari gerakan dakwah ini kemudiannya telah menghasilkan beribu-ribu orang murid tersebar luas di alam Melayu ini.

Selain dari itu, syaykh *tarīqah* Ahmadīyyah juga telah menjadikan bidang penulisan sebagai satu cara mentarbiyyah kepada muridnya. Kegiatan penulisan ajaran-ajaran *tarīqah* Ahmadīyyah dalam kitab-kitab *Jāwi Melayu* bermula sejak zaman Syaykh Muhammad Sa'id lagi. Tujuan penulisan ini adalah sebagai satu bahan pengajaran untuk memudahkan proses *ta'lim* dan *tarbiyyah* pengikut *tarīqah*. Keilmuan yang terserlah di kalangan syaykh *tarīqah* ini, menyebabkan beberapa karya ilmiah bidang taṣawwuf terhasil. Antara syaykh *tarīqah* Ahmadīyyah yang terserlah bidang penulisannya ialah Syaykh Muhammad Sa'id dan anaknya

Kebanyakkan karya-karya syaykh *tarīqah* Ahmadīyyah ini adalah yang mempunyai hubung kait dengan perjalanan *tarīqah*. Perbahasan dan ulasannya amat mendalam dalam menyentuh amalan *dhikir-dhikir* *tarīqah*, *kayfiat* dan penggunaannya. Diterangkan juga hikmah-hikmah dan rahsia setiap amalan yang mana kesemuanya bersandarkan kepada amalan yang *mu'tabar*. Di sentuh juga beberapa penerangan

penting untuk *ikhwān* ḫarīqah Ahmad iyyah dalam amalan mereka. Syaykh ḫarīqah, semasa menghuraikan dan memberikan amalan *dhikir-dhikir* dan doa, berbeza antara satu dengan lainnya. Ini adalah berdasarkan firasat dan pandangan syaykh tersebut.¹⁰¹ Tetapi ia tidaklah lari dari maksud sebenar amalan tersebut.

Syaykh yang mentarbiyyah muridnya sentiasa tahu akan tahap-tahap dan *ahwal* perjalanan muridnya. Syaykh tidak sewenang-wenangnya meningkatkan sesuatu amalan tanpa memandang perjalanan rohani muridnya. Keadaan ini adalah bersandarkan kepada sunnah Rāshūlullāh sendiri. Baginda Rāshūlullāh apabila didatangi oleh para sahabatnya bertanyakan tentang amalan-amalan yang paling baik dilakukan, memberikan jawapan yang berbeza-beza. Contohnya, baginda menyatakan amalan yang paling *afdal* dilakukan adalah sembahyang pada waktunya. Pada ketika yang lain, baginda menerangkan amalan paling baik ialah berbuat baik dan mengukuhkan silaturrahim.

Pada waktu yang lain pula, baginda memberikan jawapan berdhikrullah adalah sebaik-baik amalan. Jelasnya, jawapan baginda Rasul adalah berbeza dalam persoalan yang sama. Ini boleh diibaratkan dengan keadaan seorang doktor pakar yang memberikan ubat kepada pesakitnya. Penelitian yang halus dan rapi perlu dilakukan. Ubat yang diberikan adalah berdasarkan kepada kesesuaian seseorang pesakit itu. Maka syaykh ḫarīqah juga dianggap sebagai doktor yang sedang mengubati pesakit yang mempunyai pelbagai masalah.

Apa yang ditarbiyyahkan oleh para syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah adalah menanamkan minat dan melazimkan *dhikrullah*. Pelbagai penyakit batin akan dapat diatasi dengan amalan *dhikrullah*. Masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat hari ini adalah disebabkan kelalaian umat Islam untuk melazimkan *dhikir*. Ini adalah kerana, *dhikir* yang memberi kesan di dalam hati sanubari akan melahirkan *murāqabah* yang menolak segala kegiatan nafsu dan tuntutannya.¹⁰² Allah telah menegaskan dalam firmannya :

الذين آمنوا وطمئن قلوبهم بذكر الله لا بذكر
الله تطمئن القلوب

*Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan dhikrullah. ketahuilah dengan dhikrullah itu tenang tenteramlah hati manusia.*¹⁰³

Dalam perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah ini, *dhikir-dhikir* yang dimaksudkan ialah *dhikir jahar* atau *jali* iaitu *dhikir* dengan suara yang kuat serta tinggi suaranya. Di samping itu *Murāqabah* adalah menjadi satu disiplin yang amat penting dalam perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah. Syaykh Ahmad menerangkan maksud *murāqabah* seperti berikut:

*Adapun jenis murāqabah itu muraqabah 'Ammah dan murāqabah Khasah, adapun murāqabah Khasah iaitu murāqabah al-Bakriyyah, keyakinannya dapat diketahui melalui guru-guru kami, tokoh-tokoh ḥarīqah Ahmadīyyah, ia ada tersebut dalam Risālat al-Fawā'id dan Syarah al-Kunūz...*¹⁰⁴

Beliau seterusnya menambah :

*yang dimaksudkan dengan murāqabah ialah sikap hati yang didorongkan oleh sesuatu maklumat sikap ia menghasilkan amalan pada pancaindera dan hati. Yang dimaksudkan dengan sikap (حـلـ) ialah hati memberi keutamaan kepada al-Raqib (Allah), gerak geri penghadapan perhatian dan penumpuan semuanya kepadanya (Allah).*¹⁰⁵

Sebagai kesimpulannya beliau menambah lagi :

...maka maklumat itu apabila ia menjadi yakin iaitu tidak ada keraguan kemudian ia menguasai hati dan memundukkannya banyak sekali maklumat yang dapat menundukkan hati sambari manusia seperti pengetahuan tentang mati, apabila maklumat itu menguasai hati ia dipalingnya untuk menghormati Allah (al-Raqib) dan menunpukan sepenuh perhatian kepadanya, orang yang yakin dengan maklumat itu dikatakan al-Muqarrabun...¹⁰⁶

Kesimpulannya, *tarbiyyah* Islamiyyah dalam *tařiqah* Ahmadīyyah adalah bersandarkan dengan apa yang telah dibawa oleh Rasūlullāh s.a.w. Prof. Dr. Mahmūd Saēdon menyatakan bahawa *tarbiyyah* adalah satu aspek wajib dalam pembentukan *shaksiyyah* Islam merangkumi *tarbiyyah jasmāniyyah*, *'aqliyyah* dan *rōhaniyyah*. Pendidikan akhlak itulah yang asas kepada *tarbiyyah*, yang menjurus kepada *tarbiyyah rōhaniyyah* atau *bātiniyyah*. Dalam erti kata yang lain, *tarbiyyah rōhaniyyah* inilah yang akan melahirkan sifat-sifat *mahmudah* zahir dan baatin.¹⁰⁷

Tarqiyyah

Tarqiyyah dalam ilmu ḥaḍīth bermaksud meningkat atau meninggikan berbagai *maqām* (*maqāmat*) hati atau rohani supaya lebih hampir kepada Allah dan keredhaanNya. Seorang syaykh ḥaḍīth, juga sebagai syaykh *tarqiyyah* bagi semua muridnya. Adapun sebagaimana yang diterangkan terdahulu, hubungan antara *tarbiyyah* dan *tarqiyyah* itu amatlah rapat. Peningkatan seseorang murid dalam amalannya mestilah mendapat bimbingan seorang syaykh ḥaḍīth yang *mursyid*. Apabila berlaku peningkatan atau *tarqiyyah* dalam *maqām*nya, hasil dari *tarbiyyah* syaykh tadi,¹⁰⁸ maka syaykh ini akan memberikan panduan-panduan dan pimpinan kepada segala apa yang berlaku.

Di sinilah peranan syaykh *mursyid* untuk membimbing muridnya itu. Peranan seorang syaykh itu dijelaskan oleh Syaykh Ahmad :

Ketahuilah, orang yang tidak berusaha belajar dengan guru untuk membersihkan diri daripada sifat-sifat itu (penyakit batin) adalah menderhaka kepada Allah dan RasulNya s.a.w, kerana tidak akan mendapat petunjuk jalan-jalan menghapuskan penyakit batin itu tanpa guru walaupun dia sudah membaca seribu buah kitab, orang itu sama seperti orang yang telah membaca dan menghafaz sebuah buku ubat tetapi dia tidak tahu bagaimana hendak menggunakan ubat itu kepada penyakit-penyakit tersebut, orang yang mendengar akan perkataannya akan mengatakan ia seorang doktor tetapi orang yang bertanya kepadanya cara mengubati penyakit itu akan mengatakan ia bukan seorang doktor...¹⁰⁹

Seterusnya beliau menerangkan lagi :

*Maka memadailah berguru kepada seorang guru yang mursyid yang telah beramal lagi bersih hatinya seperti berguru kepada seorang guru ḥarīqah yang telah mendapat tauliah mengajar ḥarīqah itu, yang dapat memberikan petunjuk kepada jalan Allah yang sampai hubungannya hingga kepada Rasulullah s.a.w. sendiri yang telah mentalqīnkan ajaran itu.*¹¹⁰

Adapun *tarqiyyah* atau peningkatan seseorang *śalik* itu adalah melalui jalan *dhikir*. Dengan melakukan amalan *dhikir* ini, barulah tercapai segala tujuan dan juga *ma'rifat* kepada Allah yang sebenar. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelumnya, *dhikir* yang dikatakan memberi peningkatan kepada seseorang itu adalah melalui *dhikir darājat*. Pada peringkat ini perlulah mereka mengambil *kayfiah* dan cara-cara melakukan *dhikir darajat* itu melalui syaykh *mursyid*. Syaykh Ahmad menjelaskan antara amalan *dhikir* itu ialah :

*Ketahuilah, bahawa dhikir itu ada berbagai peringkat keafdhalannya dan ia mempunyai bermacam-macam kelakuan. Adapun yang terutama sekali ialah berdhikir yang dilakukan dengan ikhlas dan khusu' jauh dari ria' dan bermegah-megah serta mengganggu manusia, samada ia berdhikir seorang diri atau beramai-ramai dalam sesuatu perhimpunan atau samada berdhikir dengan perlahan atau mengangkat suara...*¹¹¹

Para syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah kebiasaannya, akan mengijazahkan amalan *awrād* atau *dhikir-dhikir* yang sama, tetapi berlainan *kayfiah*nya kepada pengikut baru. Contohnya, seperti *dhikir nafī ithbāt*¹¹² dan *dhikir-dhikir* yang ditalqīn kepada seseorang yang di *bai'ahkan*. Mereka ini diajarkan amalan seperti mengamalkan *awrād*¹¹³ dan *dhikir* tersebut dengan bilangan-bilangan dan tempoh-tempoh yang

tertentu. Di kalangan murid baru ini, *kayfiah* amalan tersebut adalah berbeza-beza dari sudut bilangannya. Ada yang disuruh beramal dengan satu *awrād* sahaja, ada yang dua dan seterusnya berdasarkan kepada pandangan dan penilaian syaykh *tarīqah* tersebut. Semasa melakukan amalan inilah mereka akan didatangani beberapa keadaan (*ahwal*)¹¹⁴ sebagai peningkatan *maqām dhikirnya*.

Sekiranya berlaku beberapa keadaan seperti *dhawq* (rasa rohani) dan seumpamanya, maka murid tadi haruslah melaporkan kepada syaykh *tarīqah* nya itu. Kemudian syaykh akan mengarahkan kepada murid tersebut supaya meningkatkan *dhikirnya* atau menetapkan *dhikirnya* atau lain-lain, hasil dari *natījah* latihan *dhikirnya* tadi.¹¹⁵ Inilah yang dikenali sebagai *tarqiyyah* oleh seseorang syaykh *tarīqah*. Hal ini samalah keadaannya bagaimana Rasulullah memimpin para sahabat itu untuk mendapat kurnia Allah. Ada di kalangan mereka yang sudah sampai pada peringkat melakukan ibadat semata-mata. Maka, Rasulullah akan membiarkan mereka sepertimana halnya golongan *ahl al-Suffah*. Sebaliknya, mereka yang perlu bekerja mencari rezeki di samping beribadat, maka mereka disuruh oleh baginda Rasul meneruskan bekerja.

Peranan seorang syaykh *tarīqah* di sini adalah penting. Selain memberi *ta'lim* dan *tarbiyyah*, syaykh itu juga mestilah menjadi syaykh *tarqiyyah* kepada muridnya. Segala gerak laku, perjalanan dan *ahwal* kerohanian muridnya diketahui oleh tajamnya *basīrah* (pandangan mata hati) syaykh *mursyid* yang telah mencapai darjat *al-kamāl* dan mereka inilah dikatakan golongan *al-muhsinūn*. Peningkatan seseorang murid itu

adalah melalui *mujāhadah* dan *tazkiyyah al-nafs*. *Mujāhadah* yang dimaksudkan ialah menentang kehendak-kehendak dan tuntutan nafsu, maksiat, sifat-sifat *madhmūmah*, tingkahlaku yang jelek dan sebagainya, sekali pun perjalanan *mujāhadah* itu amat sukar.

Maka kepimpinan syaykh *mursyid* yang pernah melalui perjalanan ini, perlu untuk membawanya kembali kepada jalan yang benar. Kejayaan seseorang *śalik* itu adalah dengan limpahan dan *barakah* syaykhnya yang mendapat hidayah dari Allah. Syaykh 'Abd Samad al-Falimbāngi menukilkan kata-kata Imam al-Ghazāli dalam kitabnya *Sirr al-Śalikīn* :

Duduk murid yang śalik itu bersama-sama dengan syaykhnya yang mursyid yang mengetahui ia akan 'aib nafsu yang amarah dan mengetahui akan segala sifat yang kecelaan didalam nafsu ya'ni yang didalam hati dan mengambil ia akan talqīn dhikir daripada syaykh yang mursyid atau mengambil ia akan bai'ah atau keduanya serta mengerjakan akan dia akan apa yang disuruh oleh syaykhnya dan menjauhi ia akan segala barang yang ditegahkan syaykhnya itu dan serta ta'zim ia akan syaykhnya dan daripada serta kasih ia akan syaykhnya itu sekira-kira ia akan syaykhnya itu lebih daripada hartanya dan daripada isterinya dan lebih daripada anak-anaknya dan sekelian kekasihnya dan lebih daripada dirinya dan lebih daripada ruhnya dan serta berkhidmat murid itu akan syaykhnya itu dan dengan berkat yang demikian itu mengetahui akan muridnya itu akan syaykhnya itu dan dengan berkat yang demikian itu mengetahui murid itu akan 'aib dirinya itu dan mengetahui ia akan segala sifat yang kecelaan yang di dalam bāṭin ya'ni di dalam hati...¹¹⁶

Allah berfirman dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ جَاءُوكُمْ فِي نَهَارٍ هُمْ سَبَلُنَا وَإِنَّ اللَّهَ لِمَعِ الْمُحْسِنِينَ

Dan orang-orang yang berusaha bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan kami (yang menjadikan mereka gembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha membaiki amalan mereka.¹¹⁷

Makna *bai'ah* dan *ijazah* itu adalah sesuatu yang berbeza. *Bai'ah* itu biasanya adalah untuk ahli baru, yang ingin beramal di dalam sesuatu *tarīqah*, sebagaimana yang telah diterangkan dahulu. *Ijazah* atau keizinan ini adalah sesuatu yang hanya datangnya dari syaykh *tarīqah* yang telah memberi *ta'lim*, *tarbiyyah* dan *tarqiyah* para muridnya. Apabila syaykh ini mendapat *natiyah* maka berlakulah seseorang syaykh akan memberi *ijazah* atau izin kepada murid itu untuk menjadi wakil atau *khalifah*nya dalam menyebarkan ajaran-ajaran *tarīqah* nya.¹¹⁸

Mereka inilah yang dibolehkan dan diberi izin dengan beberapa isyarat dan pengesahan. Contohnya, diberi surat tauliah yang mengesahkan bahawa mereka ini boleh mengajar akan *tarīqah*, boleh membai'ah orang yang ingin mengamalkan *tarīqah* ini atau mentalqīnkan mereka. Beberapa *khalifah* kanan yang diasuh oleh Syaykh Muhammad Sa'id dan Syaykh 'Abdullāh, juga bertindak sebagai *mu'alim* dan boleh mentalqīnkan (*bai'ah*) ajaran *tarīqah* Ahmadīyyah. Sedangkan ketika itu masa ada *mursyīd* *tarīqah* Ahmadīyyah.¹¹⁹

Di dalam amalan ḥarīqah Ahmad Iyyah al-Ja'afariyyah pula seseorang pemimpin ḥarīqah itu akan diberikan beberapa jenis *ijāzah*. Antaranya ialah *ijāzah* itu beramal dengan amalan ḥarīqah tersebut, *ijāzah* sanad salasilah, *ijāzah* sanad ilmu (diterima dari guru-guru ḥarīqahnya), *ijāzah* untuk mengajar ḥarīqah Ahmad Iyyah Ja'afariyyah, *ijāzah* untuk memberi izin mengijazahkan dan memberi *bai'ah*¹²⁰ serta *talqīn* kepada murid-murid baru ingin beramal dengan amalan Ahmad Iyyah Ja'afariyyah.¹²¹

Maka perbezaan antara keduanya ini adalah jelas bermaksud, *bai'ah* itu adalah untuk ahli yang baru dan *ijāzah* itu adalah untuk pengesahan bahawa mereka ini adalah wakil kepada syaykh atau pembantunya yang layak untuk menjalankan tugas-tugas syaykhnya. Dalam membincangkan *tarqiyah* atau peningkatan seseorang murid yang sedang beramal dalam perjalanan sesuatu ḥarīqah, maka perbincangan utama dalam ilmu ḥarīqah adalah berhubung dengan *dhikrullah*. Syaykh Ahmad menjelaskan :

...perjalanan berdhikir akan Allah Ta'ala ialah perjalanan yang penting pada masa akhir zaman iaitu masa kita sekarang kerana ia adalah satu daripada amalan yang boleh membersihkan ia akan hati dan menghilangkan akan kekaratannya dan dengan yang demikian maka adalah ia sebab yang boleh mencantumkan diantara satu dengan yang lain dan berpegang dengan jalan yang betul dan menjauhkan daripada berpecah belah...¹²²

Apa yang dimaksudkan di sini ialah, peningkatan seseorang *sālik* itu adalah kerana *dhikirnya*. Amalan *dhikrullah* ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan *maqām* dan *ahwāl* seseorang *sālik*. Dengan pimpinan syaykhnya, maka seseorang *sālik*

itu akan naik ke satu *maqām* ke satu *maqām* yang lain. Berhubung dengan tingkatan *maqām* itu akan diterangkan kemudian. Tujuan *dhikrullah* itu adalah untuk membersihkan hati untuk menghubungkan diri kita dengan Allah Taala. Maka seseorang *sālik* yang ingin sampai ke *maqam* tersebut, perlulah bagi dirinya melakukan *mujāhadah*. Allah berfirman :

فَادْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَإِشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِي

*Maka ingatkanlah akan Aku, nescaya akan Aku ingat akan kamu dan bersyukurlah kepadaKu dan janganlah kamu jadi orang-orang yang kufur (akan ni'matKu).*¹²³

Dalam ayat yang lain Allah berfirman :

وَاعْتَصُمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفْرَقُوا وَادْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَالْفَلْفَلَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبِحُوكُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا

*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah dan janganlah berpecah belah dan ingatlah akan ni'mat-ni'mat Allah keatas kamu ketika kamu berada dalam keadaan berpecah belah lalu Allah satukan akan hati-hati kamu dan menjadikan kamu akan ni'mat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara*¹²⁴

Seseorang murid yang ingin beramal sesuatu aliran *tarīqah* *ṣufiyyah* mestilah mengikuti kaedah dan disiplin yang telah digariskan dalam aliran tersebut.¹²⁵ Dalam *tarīqah* Ahmad iyyah, caranya adalah mudah dan ringkas. Bermulanya amalan dalam

tarīqah Ahmad iyyah itu selepas di *bai'ah* dan jadilah ia murid kepada seseorang syaykh. Murid akan di *talqīn* dengan beberapa *dhikir* dan *awrād* tarīqah Ahmad iyyah itu. Selepas itu, murid ini akan beramal dengan amalan tersebut sebagaimana yang dianjurkan oleh syaykhnya. Dalam keadaan ini akan terpancarlah baginya beberapa perkara dan syaykhnya senantiasa mengambil perhatian akan amalan murid tersebut.

Segala peristiwa dan keadaan yang berlaku dalam amalannya akan dilaporkan kepada guru. Dalam keadaan ini murid tersebut perlu meningkatkan *mujāhadahnya*. Di dalam amalan tarīqah Ahmad iyyah Ja'afariyyah ada diterangkan *kayfiah* mengambil *bai'ah* atau amalan dalam tarīqah seperti berikut :

murid hendaklah duduk dihadapan syaykh dalam keadaan duduk ketika solat dan memegang tangan syaykh disamping memejamkan matanya. kemudian mengikut sigah tahlil yang ditalqīnkan oleh syaykh :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ
عَدَّدَمَا وَسَعَهُ عَلَمَ اللَّهُ

Kemudian syaykh menyatakan, " Kami meredhai bahawa Syaykh Soleh al-Jaafari sebagai syaykh kami dan kami berazam memasuki tarīqah Ja'afariyyah al- Ahmad iyyah al-Muhammadiyyah dan kami berazam Insyaallah membaca awrād, Ahzāb dan madīh serta menghadiri hadrah. Ya Allah minta muafakat apa yang dipinta dan Allah bersalawat atas Sa'idinā Muhammad dan ke atas keluarganya pada setiap pandangan dan nafas sebilang-bilang luasnya ilmu Allah. Dan murid mengikut sighah bai'ah selepas ini. kemudian syaykh menasihati muridnya supaya bertaubat nasuha dengan katanya "Aku berwasiat kepada kamu dengan wasiat Allah Taala dan yang sebelum dari kami. Ketahuilah ia adalah taqwa. Firman Allah Taala : Dan sesungguhnya kami memerintahkan

*kepada orang yang diberi kitab sebelum kamu dan juga kemudian daripada kamu agar bertaqwalah kepada Allah.*¹²⁶

Berhubung dengan *mujāhadah* ini, kita akan melihat peranan seorang syaykh *mursyid* dalam memimpin muridnya. *Mujāhadah* yang dimaksudkan di sini ialah dengan jalan *al-takhalli* dan *al-tahalli*¹²⁷ yang memerlukan pimpinan seorang syaykh *tarqiyyah*. Terdapat beberapa tingkatan *mujahadah* sebagaimana yang telah diterangkan oleh beberapa orang 'ulam-a' tasawwuf. Imam al-Ghazāli misalnya telah menceritakan bagaimana beliau sendiri melakukan *mujāhadah* dalam kitabnya *al-Munqidh Min al-Dalāl* :

*Kemudian aku memasuki negeri Syam, aku bermuqim hampir dua tahun, urusanku adalah tidak lain hanyalah (melakukan) 'uzlah, khalwah dan al mujāhadah, iaitu untuk membersihkan al-nafs, memperbaiki akhlak serta hati bagi mengingati Allah, yang ku perolehi melalui ilmu tasawwuf, dan pekerjaan ku ini ku lakukan di masjid Damsyik di atas menaranya sepanjang hari dan aku sendiri menutup pintunya...*¹²⁸

Apa yang dimaksudkan di sini ialah, peningkatan seseorang *śalik* itu adalah kerana *dhikirnya*. Amalan *dhikrullah* itu akan menyebabkan berlakunya peningkatan *maqām* dan *ahwāl* seseorang. Dengan pimpinan syaykhnya, maka seseorang *śalik* itu akan naik dari satu *maqām* ke *maqām* yang lain. Tujuan berdhikrullah ini adalah untuk membersihkan hati dengan ini akan menghubungkan diri kita dengan Allah Ta'ala. Maka seseorang *śalik* yang ingin sampai ke tingkatan tersebut, maka perlu bagi dirinya, melakukan proses-proses tersebut seperti melakukan *mujāhadah* dan 'uzlah atau *khalwat*.

Ibn Khaldūn dalam kitabnya *Shifa' al-Sā'il* membincangkan beberapa tingkatan al-*mujāhadah* itu kepada beberapa peringkat. Pertama, peringkat *mujāhadah al-taqwa*, kedua *mujāhadah al-istiqāmah* dan ketiga *mujāhadah al-kasyf*. Bagaimanapun, dalam *mujāhadah* seseorang *sālik*, mereka akan bertemu dengan apa yang disebut sebagai *al-takhalli* dan *al-tahalli*. Dalam keadaan inilah, biasanya *sālik* itu akan mendapati baginya beberapa keadaan *hal (ahwāl)* yang tentunya tidak akan dapat ditafsirkannya sendiri malahan kadangkala kefahamannya itu menyebabkan rosakkan *mujāhadahnya*.

Misalnya, melakukan *tajrīd*,¹²⁹ sedangkan mereka ini masih diperingkat *asbāb*. *Ahwāl* yang dikurniakan oleh Allah itu disangka-sangka sebagai baik baginya sedangkan *natijah* hal tersebut adalah sebaliknya. Kesannya, jika *mujāhadah sālik* itu tidak dibimbing oleh syaykh *tarqiyah*, rosak *mujāhadahnya* dan timbul kesan lain. Allah menerangkan di dalam al-Qurān maksudnya ;

وَالَّذِينَ جَاءُوكُمْ فِي هَذِهِ الْأَيَّامِ بِمَا مَلَأُوا الصُّدُوقَاتِ
لَمَّا كُنُوكُمْ لَهُمْ أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي هَذِهِ الْأَيَّامِ

*Dan orang-orang yang berusaha bersungguh-sungguh memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah adalah beserta dengan orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.*¹³⁰

Bagaimanapun sebahagian besar ajaran *tarīqah* sufīyyah ialah menekankan kepentingan *dhikir* untuk *mujāhadah al-nafs* dan *al-aql*. Adapun *al-nafs* itu adalah juga dikatakan terletak di dalam hati. Adapun tingkatan-tingkatan nafsu itu adalah bermula

dari *nafs al-amārah*, *al-lawwāmah*, *al-mulhamah*, *al-mutma'innah*, *al-rāadiyah*, *al-murdiyyah* dan *al-kāmilah*. Dengan melakukan *dhikir*, tingkatan-tingkatan nafsu yang menjadi *hijāb* seorang *sālik*, akan meningkat sedikit demi sedikit untuk mencapai *ma'rifatillāh*. Rasulullah contohnya dikatakan adalah mencapai *maqām nafs al-Kāmilah*, iaitu *al-nafs* yang sempurna dari segala tingkatan nafsu. Sesungguhnya hati itu perlulah *ditazkiyyah*. Pelbagai kesesatan, kekufur'an dan penolakan terhadap hidayah Allah itu adalah disebabkan hati insan itu dikuasai oleh nafsu syahwat dan syaitan. Antara lain Allah berfirman :

فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ فَزَادَهُمْ اللَّهُ مَرْضًا

*Dalam hati mereka itu terdapat penyakit, maka Allah tambahkan lagi penyakit itu.*¹³¹

Firman Allah maksudnya

*Kerana Allah hendak menjadikan hasutan syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang-orang yang ada penyakit kufur ingkar dalam hati mereka dan yang hatinya keras membantu, dan sesungguhnya mereka yang z'alim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh dari kebenaran...*¹³²

Para 'ulamā' -'ulamā' ḫāfiyyah membicarakan hubungan hati dan nafsu dalam memperkatakan konsep kerohanian. Pengertian nafsu itu adalah terlalu luas sehingga kadangkala dikenali dengan sanubari, hati batin, jiwa, akal, fikiran dan segala perlakuan anggota-anggota *ma'nawī* yang melahirkan apa yang dinamakan nafsu. Adapun *mujāhadah al-aql* itu juga adalah untuk melepaskan beberapa tingkatan-tingkatannya.

Rasulullah bersabda yang bermaksud supaya umat Islam tidak menjadikan nafsunya menawan aqal. Kebinasaan besarlah bagi mereka yang demikian dan berbahagialah mereka yang nafsunya di tawan oleh aqal.

Adapun tingkatan-tingkatan *al-aql* itu dinamakan dengan *al-aql*, *al-sadr*, *al-qalb*, *al-fu'ad*, *al-shaghaf*, *al-lubb* dan *al-sirr*. Kesemua tingkatan-tingkatan nafsu ini sebenarnya disebut Allah di dalam al-Quran :

1. Aqal (العقل)

وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالَمُونَ

Dan hanya orang-orang yang beraqal (berilmu) yang dapat memahaminya¹³³

2. al-Sadr (الصدر)

أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ مَدْرَرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِّنْ رَبِّهِ

Yang demikian adalah orang-orang yang telah dilapangkan dadanya untuk menerima Islam, lalu ia tetap berada dalam cahaya hidayah tuhannya¹³⁴

3. al-Qalb (القلب)

أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانُ

Mereka itu Allah telah tetapkan iman dalam hati mereka¹³⁵

4. al-Fu'ad (الفؤاد)

ما كذب الفؤاد ما رأى

*Hati tidak mendustakan apa yang dilihatnya*¹³⁶

5.al-Saghaf (السغاف)

قد شغفها حبا

*Sesungguhnya cintanya itu sudah meresap kedalam hati*¹³⁷

6. al-Lubb (الب)

إن في ذلك لذكرى لأولي الألباب

*Sesungguhnya segala yang tersebut itu menjadi peringatan yang menyedarkan orang yang beraqal sempurna*¹³⁸

7. al-Sirr (السر)

فإنه يعلم السر وأخفى

*Maka sesungguhnya Allah mengetahui segala yang rahsia dan segala yang tersembunyi*¹³⁹

Dengan jalan *dhikrullah* inilah perjalanan hati dapat dikawal dari melakukan sifat-sifat yang tercela dan menimbulkan sifat-sifat terpuji. Dalam latihan-latihan (*al-riyādah*) seorang *sālik* itu juga, mereka akan menempuh pengalaman-pengalaman

rohani yang dikenali sebagai *al-dhawq*. Hamka menerangkan bahawa *mujāhadah* itu adalah :

perjuangan para sufi dalam rasa (dhawq) dan menghisab diri supaya tercapai maqām yang lebih tinggi dalam kedudukannya semula. Mujāhadah itu dilakukan dengan pelbagai-bagai cara, misalnya tafakkur, termenung dengan memejamkan mata dan menaikkan lidah ke langit-langit lalu tazakkur dan mengingati nama Allah dalam diri. Menimbulkan asyik dan berahi, rindu dan dendam hendak kembali ke asal. Maka perlakuan ini dilazimkan oleh seorang murid sehingga sampai ke maqam yang sempurna sehingga mencapai darjat tauhīd dan irfān. Kedua martabat ini yang hakikatnya satu iaitu setinggi-tinggi kedudukan dan tidak tercapai melainkan dengan dhawq (rasa) dan 'ajan (menyaksikan ma'rifatullah yang sebenarnya).¹⁴⁰

Syaykh Muhammad Sa'id al-Linggi menegaskan bahawa seseorang *sālik* yang bermujāhadah, akan diberikan hidayah dan petunjuknya Allah, tidak dapat tidak hanyalah dengan bimbingan syaykhnya.

Dan daripada hasyarnya barang yang tersebut pada segala ayat (al-Qurān), dan segala hadith, berhajat orang yang gemar menyampaikan demikian itu(bermujāhadah), siri kepada Rafiq Yang Kamil dan demikian itu tiada {akan}ada {berjaya} melainkan atas tangan {bimbingan} syaykh yang 'ārif yang sālik ia akan ḥarīqah...¹⁴¹

Para pengikut ḥarīqah Ahmad'iyyah yang menjalani *mujāhadah* ini akan sentiasa mendapat perhatian dan *tarqiyyah* daripada syaykhnya. Semasa Syaykh Ahmad menjadi syaykh ḥarīqah Ahmad'iyyah, mereka yang tinggal di pondok Madrasah Sa'idiyyah ini akan dipimpin menjalani amalan-amalan *dhikir*. Dalam bulan Ramadhan contohnya, mereka akan melakukan ibadah *dhikir* ini setiap malam secara beramai-ramai dipimpin oleh Syaykh Ahmad sendiri. Majlis ini bermula selepas tengah malam

sehingga menjelang subuh. Biasanya mereka akan tidur selepas solat Isya' dan bangun semula pada tengah malamnya.

Selain dari melakukan amalan *dhikir* ini maka mereka ini melakukan *murāqabah*.¹⁴² *Murāqabah* adalah berasal dari kalimah (رَقْبٌ) erti mengintai intai. Para 'ulamā' taṣawwuf menyatakan erti, mengintai-intai tentang *zat* Allah yang *Wajib al-Wujūd*, iaitu memberikan tumpuan dan berhadap segala ingatan hanya kepada *zat* Allah yang Maha Esa yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan yang tiada kekurangan dan sertanya Allah itu dengan kita pada tiap-tiap sesuatu. Ia bolehlah diertikan seperti misalan ini; seekor kucing yang sedang mengintai-intai (ترقب) memerhatikan seekor tikus. Tumpuan kucing itu hanyalah kepada mangsanya tikus tadi. Tajamnya tumpuan kucing tersebut, hanyalah kepada tikus tadi sehingga tidak memperdulikan sekelilingnya, hatta tuan kucing tadi datang pun tidak disedarinya. Begitulah perumpamaan *muraqabah* tadi sehingga kita rasa-rasakan seolah-olah tiada sesuatupun dalam ingatan kita melainkan Allah sahaja. Menurut Syaykh Ahmad ;

Hakikat Murāqabah ialah memerhati Allah yang raqib dan mengarahkan seluruh perhatian padanya, barangsiapa menjaga sesuatu perkara kerana sesuatu maka dikatakan ia memerhati dan mengawalnya. Yang dimaksudkan dengan muraqabah ialah sikap hati yang didorongkan oleh sesuatu maklumat sikap, ia menghasilkan amalan pada pancaindera dan hati. Yang dimaksudkan dengan sikap (ḥālah) itu ialah, hati memberi keutamaan kepada al-Rāqib (Allah) gerak geri penghadapan perhatian dan penumpuan semuanya kepada Allah. Adapun maklumat yang menghasilkan sikap di atas ialah, ilmu pengetahuan bahawa Allah itu melihat akan jelas hati sanubari, mengetahui segala rahsia, mengawasi segala perbuatan hamba, memerhatikan rupa gerak-geri nafsu, disisinya terbentang segala rahsia hati, begitu juga rahsia tubuh badan adalah terang dan jelas padanya. Maka maklumat itu ia apabila ia menjadi yakin iaitu tidak ada keraguan kemudian ia menguasai hati dan

menundukkan banyak sekali maklumat yang dapat menundukkan hati sanubari manusia seperti pengetahuan tentang mati, apabila maklumat itu menguasai hati, ia dipalingnya untuk menghormati Allah (al-Rāqib) dan memupuk sepenuh perhatian kepadanya, orang yang yakin kepada maklumat itu dikatakan al-Muqarrabun...¹⁴³

Syaykh Muhammad Sa'id menyebut berhubung dengan *murāqabah* ini dengan katanya :

faedah yang ketiga pada menyatakan bahawasanya, kayfiah duduk murāqabah, yang maklum lagi mahsyur antara penghulu kita yang mulia pada Makkah al-Muazzamah dan al-Madīnah al-Munawwarah, dan pada negeri Syam dan Mesir, dan Istanbul dan Yaman dan Maghribi dan Sudan dan lainnya, iaitu duduk atas dua papan punggung, hal keadaannya mendirikan dua kakinya dan menghimpit pahanya kepada perutnya, di namakan dia duduk qarqasa' tetapi dihantar dua tangan dua kepala lutut dan dihantar kepala di atas dua lengan itu, serta dipejamkan dua matanya dan tetap dua anggotanya, seperti mengajarkan dia oleh sanad kami dan guru kami dan murabbi rūh (guru) kami, mereka yang mendirikan pekerjaan dengan ijtihād dan sebenar yang bagi segala kebaikan itu Hawiya Sayyidunā wa Maulānā al-Qutub al-Ghawth Sayyidi Muhammad bin Ahmad al-Dandarāwi yang mengajar akan dia dengan dia Qutub Da'irah al-Kamāl wa Ta'ayyid Sayyidinā wa Maulānā al-Qutub al-Ghawth Sayyidi Ibrāhīm bin Muhammad Ṣoleh al-Rāsyidi seperti barang yang diajarkan dia Qutub al-Aqtab al-Kāmilain Sahib al-Tariq al-Nafis Sayyidinā wa Maulānā Qutub al-Ghawth Sayyidi Ahmad bin Idrīs rahum.¹⁴⁴

Ust. Fuad Kamaluddin juga menyatakan bahawa kaedah *murāqabah* di dalam ḥarāiqah Ahmad īyyah Ja'afariyyah juga adalah sama seperti yang diterangkan oleh Syaykh Muhammad Sa'id. Beliau menyatakan lagi bahawa kaedah ini juga dilaksanakan apabila seseorang murid melakukan 'uzlah atau *khatwat*. Beliau menambah :

dhikir murid yang melakukan 'uzlah ketika dalam keadaan ini akan menghadirkan dirinya kepada Allah dan melakukan dhikir sirr. Sehingga murid tadi dengan khusu'nya, dapat mendengar degupan jantungnya, kemudian mengikut rentaknya dengan k'alimah dhikir Allah,

Allah secara sirr, sehingga lah murid itu dapat khusyu' hatinya kepada Allah...¹⁴⁵

Kaedah yang disebut oleh Ust. Fuad ini, seolah-olah ada persamaan dengan amalan *tarīqah* Naqsyabandiyah al-Khalidiyyah. Cuma cara duduk dalam *tarīqah* Naqsyabandiyah dinamakan duduk *tawarruk* kiri seperti duduk *tahyāt* akhir, tetapi sebelah kiri. Kedua-dua tangan dihantar kesebelah paha kiri, tangan kiri menelentang ke atas sementara tangan kanan diletakkan atas tangan kiri dalam keadaan menyilang. Tangan kanan memetik-metik tasbih sambil meyebut k *alimah dhikir* Allah, Allah secara sirr, dan meniatkan *dhikir* tersebut di hantar kepada *Latīfah al-Qalb*.¹⁴⁶

Kesimpulannya, *murāqabah* itu adalah satu-satunya asas taqwa yang besar iaitu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah itu mendengar, melihat dan mengetahui zahir dan batin keadaan hambanya. Apabila ingatan ini berkekalan dalam hati dan bertambah kuat dari semasa kesemasa sehingga membawa keadaan malu, segan, takut, harap, redha dan sebagainya kepada Allah. Ini ditambah lagi dengan berpada pada pertolongan, pemeliharaan dan tadbirNya. Maka keadaan hamba pada ketika itu adalah sedang *murāqabah*. Sayyidī Ahmad bin Idrīs berkata :

*Apabila hati seseorang hamba itu menyedari perhatian Allah ini dan ia menjadikan kesedaran itu sebagai amalannya ketika itu timbulah perasaan malu untuk melafazkan atau melakukan sesuatu yang tiada diredhai oleh Allah, yang tidak layak dengan keagunganNya, sedangkan ia sentiasa teringatkan firman Allah yang berbunyi maksudnya Allah bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada.*¹⁴⁷

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas tadi dapatlah kita petik beberapa kesimpulan antaranya, dalam dakwah ḥaḍrah Ahmad Iyyah, murid-muridnya mesti melalui beberapa disiplin ilmu pengetahuan iaitu *ta'lim*, *tarbiyyah* dan *tarqiyyah*. Ia menjadi asas bagi golongan ḥaḍrah -ḥaḍrah sufiyyah dalam memahami erti sebenar penghayatan dan amalan tasawwuf.

Ketiga-tiga konsep disiplin ilmu ini hanya diperolehi dari seorang syaykh ḥaḍrah atau syaykh *mursyid* yang mana mereka juga telah menjalani disiplin ilmu ini. Maksudnya syaykh itu mestilah juga pernah mendapat asuhan dan tarbiyyah secara *zāhiriyah* dan *rōhaniyyah* melalui usaha-usaha syaykhnya yang terdahulu. Ini adalah untuk memastikan aliran perjalanan ḥaḍrah -ḥaḍrah sufiyyah itu terpelihara sepanjang waktu dan zaman.

Hubungan para murid dengan syaykh ḥaḍrah itu keadaannya adalah seperti mana *adabiyyah* yang ditunjukkan oleh para sahabat dengan baginda Nabi s.a.w. Ianya meliputi adab, akhlak, amalan-amalan *zahir* dan *batin* yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Konsep berdamping dan *bertalaqqi* kepada seseorang syaykh untuk mendapatkan ilmunya itu telah menjadi sesuatu kebiasaan dalam disiplin ilmu Islam.

Kesan daripada hubungan murid dan guru ini dari sudut *al-Mujalasah* dan *al-Sahbah* tadi boleh memberi kesan kepada perjalanan kerohanian seseorang murid tersebut. Ini adalah dengan rahmat Allah yang diberikan kepada mereka yang bersungguh-sungguh pada jalan menuntut ilmu Allah. Sebab itulah konsep ini di berikan penekanan oleh ahli-ahli ṣufi terutama golongan ḥarīqah.

Amalan utama dalam ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, adalah *dhikirullāh*. Dhikir ini diajarkan oleh seseorang syaykh semasa berlakunya majlis *bai’ah*. Murid ini kemudiannya akan di *talqīn* oleh syaykh ḥarīqah iaitu berhubung dengan kaedah-kaedah atau cara-cara untuk melakukan amalan-amalan dalam perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah ini. Murid juga diberikan penerangan dan dalil-dalil serta bukti-bukti kukuh bahawa amalan ini adalah sebagaimana yang ada dalam al-Qurān dan al-Sunnah.

Salasilah dalam ilmu ḥarīqah adalah menjadi salah satu prinsip yang penting dalam perjalanan ilmu tasawwuf. Ianya dapat membuktikan kebenaran sesuatu amalan yang dilakukan itu selari dengan amalan Nabi s.a.w. serta ajaran Islam. Kepentingannya adalah seperitimana pentingnya sanad atau salasilah dalam ilmu ḥadith.

¹Nama lengkapnya ialah Ibrāhīm bin Syaykh Šoleh al-Qahānabi bin Sayyid 'Abd Rahmān. Murid kepada Sayyidi Ahmad bin Idris yang merupakan pemimpin tarīqah Ahmadīyyah kedua. Menurut beberapa pengkaji bahwa Tuan Tabal memperolehi *ijazah* tarīqah Ahmadīyyah dari beliau dan sebab itulah sebelum Syaykh Muhammad Sa'id membawa aliran tarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Danderāwiyyah di Kelantan, tarīqah ini dikenali sebagai tarīqah Rāshidiyyah

²Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Faraid al-Ma'thir al-Marwiyyah Li al-Tarīqah al-Ahmadīyyah*, Sungai Ujung Press, N. Sembilan, t.t. hal. 26-27

³*Ibid.*, hal. 12

⁴J.S. Trmingham, *The Sufi Order In Islam*, Oxford Universiti Press, London 1973, A.J. Arberry, Religion In The Middle East, Jil. II, Cambridge, 1969, H.A.R. Gibb, *Mohamedanism*, Edisi II, Universiti Oxford Press, London, 1953 dan beberapa pengkaji barat lain menyatakan bahawa keistimewaan pengajaran Sayyidi Ahmad Idris ialah mempunyai beberapa persamaan dalam doktrin *Wahābi*. Antaranya menolak penggunaan Qias dan Ijma' para 'ulam-a', melainkan apa yang disandarkan kepada Rasulullah sahaja. Bagaimanapun kenyataan ini tidak menunjukkan bukti yang kukuh menyatakan adakah Sayyidi Ahmad terpengaruh dengan suasana *Wahābism* yang melanda dunia Islam khususnya dunia Arab ketika itu. Bagaimanapun, sebahagian besar 'ulam-a'-ulam-a' sufi dan ahli taṣawwuf menolak dakwaan golongan *Wahābi* dan pandangan-pandangan Muhammad bin Abd. Wahāb berhubung dengan kesesatan golongan taṣawwuf dan amalan mereka

⁵Aliran *Wahābi* ini adalah doktrin pemikiran yang diperkenalkan oleh Muhammad bin Abd. Wahab (1703-1792M) yang mendakwa mengembalikan ajaran 'aqidah Islam sejati berlandaskan al-Qurān dan Sunnah dan 'aqidah ahli salaf. Aliran ini berkembang sekitar awal abad ke 18 dan tersebar luas didunia Islam seperti di Libya, Mesir, Iraq, Sudan pada peringkat awalnya. Perkembangannya di Tanah Melayu adalah menjelang tahun 1900M. Golongan ini juga dikenali sebagai Gerakan Islah Islamiyyah atau Golongan Pembaharu, Kaum Muda, Kaum Reformis dan sebagainya. Lihat Sarim Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906-1948", *Persatuan Sejarah M'Sia*, 1979, Abd Aziz Md. Ton, "Kaum Muda Di Melaka", *Jurnal Sejarah*, Jil.XII, 1982, Abd. Rahman Hj. Abdullah, *Gerakan Islah Di Perlis: Sejarah Dan Pemikiran*, 1989 dan bandingkan dengan Mohd. Yusof Abd. Hamid, *Gerakan Ittiba' As-Sunnah Di Negeri Sembilan*, *Latihan Ilmiah AJUM*, K.Lumpur, 1994.

⁶Penulis walau bagaimanapun menolak pendapat bahawa ajaran tarīqah Ahmadīyyah oleh Sayyidi Ahmad bin Idris ini seolah-olah bersimpati dengan aliran *Wahābi*. Pendapat ini sebenarnya adalah berasal dari pengkaji-pengkaji barat. Tidak ada pandangan di kalangan tokoh-tokoh sufiiyyah kurun ke 19 yang mengesahkan kenyataan ini. Apatah lagi apabila ajaran *Wahābi* secara khusus menolak amalan-amalan tarīqah dan menganggapnya bukan dari Islam. Ini di tambah dengan tindakan Sayyidi Abi al-Abbās al-Dandārāwi, pemimpin tarīqah ini selepas kewafatan Sayyidi Ahmad al-Dandārāwi(w.1909M), meninggalkan Mekah kerana sikap penguasa Mekah yang menolak ajaran tarīqah -tarīqah sufiiyyah. Perselisihan ini juga menyebabkan golongan tarīqah -tarīqah sufiiyyah menolak dasar-dasar ajaran *Wahābi* apatah lagi untuk menyatakan bahawa terdapatnya persamaan dalam ajaran mereka

Nama asalnya ialah Ahmad bin Muhammad al-Mukhtār bin Ahmad bin Mahmad bin Salim. Beliau telah menerima dan beramal dengan aliran tarīqah Qādiriyah, Nāsiriyah dan tarīqah Ahmad Habib Muhammad. Beliau juga dikatakan bertemu dengan Syaykh Abd. Karim al-Sammān, iaitu Syaykh tarīqah Samāniyyah yang paling terkenal di kalangan para ahli sufi di Madinah, ketika mengerjakan haji di Makkah sekitar 1772M. Lihat Jamil M. Abun Nasr, *The Tijāniyya*, Oxford Universiti Press, London, 1965,hal. 17-21

⁸Ahmad al-Tijāni juga dikatakan berguru dengan Sayyidi Ahmad bin Idris dan beliau kemudiannya telah mengasaskan tarīqah Ahmadīyyah al-Tijāniyyah iaitu menghubungkan namanya dengan Sayyidi Ahmad bin Idris. Ini bererti tarīqah Ahmadīyyah ini adalah mempunyai cawangannya, hal yang sama dengan beberapa tarīqah yang lain yang menisahkan beberapa ajaran mereka dengan ajaran pengasasnya. contohnya seperti tarīqah Naqsyabandiyyah sendiri yang mempunyai beberapa pecahan seperti al-Khālidiyah, al-Ahrāriyyah dan lain-lainnya.

⁹Haji Sa'id Hj Ibrahim, *al-Azkar Wa al-Awrād Wa al-Ad'iyyah al-Ma'thurat*, Kertas Kerja Dalam Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan pada 17 November 1986, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

¹⁰Ibnu Ḥamīd, Muhammad bin Muhammad al-Ghāzālī, *Raudah al-Talībin*, Maktabah al-Jund, Qaherah, t.t.,hal.151.

¹¹ Al-Qurān, Ali 'Imrān, ayat 191

¹² Al-Qurān, al-Ahzāb, ayat 41

¹³ Al-Qurān, Al-A'rāaf, ayat 205

¹⁴ Al-Qurān, Al-Baqarah, ayat 152

¹⁵ Ahmad bin Hj Muhammad Sa'id, *Suratan Yang Mengandungi Perbahasan Berdhikir Akan Allah Dengan Kuat*, Prof. Dr. Mahmūd Sādon Awang Usmān (penyunting), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, 1986, hal.27-30

¹⁶ Sebahagian 'ulam-a' membahagikan *dhikir* yang ketiga ini ialah *dhikir* seluruh anggota (*dhikr al-Jawārih*) iaitu kesan atau *natijah* dari *dhikir* hati dan lisan sehingga terasa seluruh anggota ikut berdhikir dan gementar sebagaimana firman Allah bermaksud : *Allah menurunkan perkataan yang paling baik (al-Quran) yang serupa (mutu ayat-ayatnya) yang berulang-ulang, gementar kerana kulit-kulit (semua anggota) dan hati mereka sewaktu mengingati Allah...* Surah al-Zumar, ayat 23.

¹⁷ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *loc. cit.*, hal. 53

¹⁸ Surah Yūsuf, ayat 53

¹⁹ *Ibid*, hal. 30

²⁰ *Ibid*, hal. 31

²¹ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *op. cit*, hal.56

²² Al-Qurān, al-A'rāf, ayat 205

²³ Hadith riwqayat al-Baihaqi dari A'ishah, , hal. 214

²⁴ Hadith riwayat al-Baihaqi

²⁵ Hadith riwayat al-Tabrāni dan al-Bazār dengan sanad Hassan. Lihat juga 'Abd Qādir Ḥasan, *Haqqāiq An al-Tasawwuf*, Diwan Press, England, 1970, hal. 84.

²⁶ Muhammad al-Khalani, *Subul al-Salām*, Mustafa al-Bab'i wa Auladihi, Mesir, Cet.IV,Jil.4, 1960, hal.214

²⁷ *Ibid*

²⁸ Hamdan Hassan, *loc. cit.*, hal. 171-172

²⁹ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Awrād al-Tarīqah al-Ahmadiyyah Dan Kelebihannya dan Tuhfah al-Ikhwān fī Ma Yakhtas bi Laila al-Nisf min Sya'bān*, t.t., hal 2-25

³⁰ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *al-Qawl al-Wafi*, Jawi Press, Singapura, 1939,hal. 5

³¹ Surah Ali-'Imrān, ayat 191

³² Surah al-Fath, ayat 10

³³ Muhammad Sa'id bin Jamāluddīn al-Linggi, *Syarh Kunūz al-Jawāhir al-Nuraniyyah (Hamish), Ahzāb al-Irfāniyyah Wa al-Awrād al-Nūriyyah*, t.t., hal. 4

³⁴ Surah An-Nahl, ayat 91

³⁵ Syeid Mahmūd Abū Faid, *Jamhīrah al-Awlā' wa A'lām ahl-Tasawwuf*, Juz 1, 1967, hal. 161. Lihat juga Abd Qadir Isa, *op. cit.* hal. 84

³⁶ Taj Al-'Arifin, *Miftah al-Sudūr*,(Kunci Pembuka Dada), Al-Amen Printers, Kuala Lumpur, 1987, hal.

³⁷ Surah al-Fath, ayat 10

³⁸ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Awād al-Tarīqah al-Ahmadīyyah Dan Kelebihannya dan Tuhfah al-Ikhwan fi Ma Yakhtas bi Laila al-Nisfu Min Sya'abān*, Percetakan TKI, Seremban, t.t. hal.2-3,

³⁹ *Ibid*, hal. 4-5

⁴⁰ Soleh al-Ja'afari, *Kunūz al-Sādah Wā al-Da'awāt al-Mustajābah*, Dar al-Jawami' al-Kalam, al-Qahirah, 1385H, hal. 52

⁴¹ *Op. cit.*, hal. 5-9

⁴² Surah An-Nisa, ayat 69

⁴³ Mohd Murtadha bin Hj Ahmad dan Mahmud Sa'edon Awang Othman, *Mengenal Al-Tarekat Al-Ahmadīyyah*, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Penerbitan Watan, Kuala Lumpur, 1993, hal. 20

⁴⁴ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Faraid al-Ma'thir al-Marwiyyah Lī al-Tarīqah al-Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah*, Persatuan 'Ulam-a' Malaysia, Selangor, 1936, hal. 48

⁴⁵ Soleh Ja'afari, *op. cit.*, hal. 29

⁴⁶ Baha' al-Din al-Baithori, *Takmīl al-Nafahāt al-Aqdasiyyah*, Matbaah al-Turki, Damsyik, 1931. hal. 20

⁴⁷ Soleh al-Ja'afari, *Mafātiḥ Kunūz al-Samāwāt al-Ardh*, Dar al-Jawami' al-Kalam, al-Qahirah, t.t.hal. 27

⁴⁸ Surah Ali-'Imrān, ayat 17

⁴⁹ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *op. cit.*, hal. 23

⁵⁰ Rujukan kepada perkembangan dan method dakwah ini hanya berkisar di kalangan *mursyid* .tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan sahaja, sesuai dengan kajian penulis

⁵¹ Hussain al-Khatib, *al-Durr al-Latif*, Beirut, 1314 H, hal. 183

⁵² Ibn Khaldūn, *Shifa' al-Sail Li Tahdhīb al-Masā'il*, Beirut, al-Kathulukiyah, 1959M, hal. 101

⁵³ Jahid Hj. Sidek, *Sayykh Dalam Ilmu Tariqah*. Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hal. 126

⁵⁴ Abd. Wahab al-Sha'rāni, *al-Anwār al-Qadsiyyah fī Ma'rifah Qawāid al-Sufiyyah*, Beirut, Maktabah al-Maarif, 1408 H/1988 M, hal. 73

⁵⁵ Sayyidi Ahmad bin Idris (w.1835M) adalah sebagai pengasas kepada .tarīqah Ahmadīyyah. Muridnya Sayyidi Ibrāhīm Rāshidi (w.1872M) kemudiannya telah melakukan beberapa tambahan seperti wirid-wirid dan *dhikir* dalam .tarīqah Ahmadīyyah. Peringkat ini perjalanan .tarīqah Ahmadīyyah dikenali sebagai .tarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah. Kemudiannya murid kepada Sayyidi Ibrāhīm al-Rāsyidi iaitu Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi (w.1907M) sebagaimana menisbahkannya dengan pengasas ajaran .tarīqah ini dengan beberapa amalan dan penambahan *awrad*-*awrad* tertentu dan dinamakan .tarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah. Lihat *Faraid al-Marwiyyah*, *loc. cit.*, hal. 33-43. Lihat juga Mohammad Murtadza bin Ahmad, *Mengenal al-Tarekat al-Ahmadīyyah*, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, 1993

⁵⁶ Murtadza bin Ahmad, *Ibid*, hal. 7

⁵⁷ Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi dikatakan telah melantik beberapa orang *khālidahnya* atau naqib seramai dua belas orang yang membawa ajaran .tarīqah Ahmadīyyah ini di seluruh pelusuk dunia termasuklah Syaykh Muhammad Sa'id. Beliau diarahkan mengembangkan ajaran .tarīqah ini di sebelah Kepulauan Melayu. Lihat *Faraid al-Marwiyyah*, *op. cit.*, hal. 33

⁵⁸Murid bermaksud orang yang mengkehendaki ilmu pengetahuan dan petunjuk dalam segala amal ibadatnya terdiri dari lelaki dan perempuan dewasa atau sudah lanjut umurnya. Mereka ini bukan sahaja mempelajari sesatu dari gurunya atau menjalani sesuatu latihan amalan yang dianjurkan oleh gurunya, malahan mematuhi segala adab dan akhlak yang ditentukan untuknya. Kepatuhan tersebut meliputi kepada Syaykhnya, dirinya, saudara-saudara yang mempelajari dari Syaykhnya serta orang Islam yang lain. Syaykh *mursyid* akan mengasuh perjalanan seorang *śalik* atau murid ini dengan pelajaran, latihan, amalan dan peningkatan.

⁵⁹Syaykh Najmuddin Amin al-Qurdi,*loc. cit.*, hal. 510

⁶⁰Perbincangan mengenai *ahl-Suffah* ini telah dibincangkan oleh beberapa 'ulamā', antaranya seperti Syaykh Abi Nu'aim dalam *Hilyat al-Aulia'*, Syaykh 'Abd Qādir al-Suhrāwardi dalam *Awārif al-Mā'a'rif*, Syaykh Imad al-Dīn al-Umawi dalam *Hayāt al-Qulūb*, *Sufūt al-Sufūt* oleh Ibn al-Jauzi dan lain-lain lagi

⁶¹'Abd al-Qādir bin 'Abdullāh al-Suhrāwardi, *Awārif al-Mā'a'rif*, Dar al-Kutub al-'Arabi, Beirut, 1966, hal.

61

⁶²*Ibid.*, hal. 61

⁶³Abū Bakar Acheh, *Pengantar Ilmu Tarekat*, F.A. H.M. Tawi & Son Bag. Penerbitan, Jakarta, Cetakan ke-2, 1960, hal. 60

⁶⁴Mohd. Mokhtar Shāfiē, *Ilmu Tasawwuf : Ajaran Dan Sejarahnya* dalam *Islamika*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1981, hal. 63. Lihat juga Victor Danner, *The Necessity for The Rise of the Term Sufi*, dalam *Journal Studies in Comparative Religion*, Vol. 6, No.2, Spring, London, 1972, hal. 72.

⁶⁵Al-Umāwi, Imad al-Dīn Muhammad bin Hussein, *Hayāt al-Qulūb Fi Kayfiyat al-Wusūl Ila al-Mahbūb*, Maktabah al-Matbani, Kaherah, t.t., hal. 265

⁶⁶Surah al-Baqarah, ayat 273

⁶⁷Ibn Qāsim al-Najdi, 'Abd al-Rahmān bin Muhammad (penyusun), *Majmu' Fatawa Ibn Tāimiyah*, al-Riyadh, al-Malik Sa'ud bin 'Abd al-'Aziz, 1960, Jilid II, hal. 44

⁶⁸Muhammad Soleh al-Jaafari, *Mafātiḥ Kunūz al-Samāwāt al-Ardh*, *loc. cit.* hal. 19

⁶⁹*Ibid.*, hal. 60

⁷⁰Prof.Dr. Ahmad Shalaby, *Tarikh al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, (terj. Prof.H Muchtar Jahja), Pustaka Nasional, Singapura, 1976, hal.338-339

⁷¹Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, (terj), Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hal. 764

⁷²Mohd Nor bin Ngah, *Some Writting of The Traditional Malay Muslim Scholars Found In Malaysia*, dalam *Tamaddun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hal. 9

⁷³Syaykh 'Abd Samad al-F alimbangi menyatakan bahawa adalah wajar bagi golongan yang *mubtadi'* dalam mempelajari ilmu tasawwuf itu menggunakan kitab al-Ghazālī kesemuanya seperti *Bidāyat al-Hidāyat*, *Minhaj al-Ābidin*, *Ārbā'in fi Usūl al-Dīn*. Golongan pertengahan menggunakan kitab karya-karya *Hikam li Ibn 'Ata-iLlah* dan golongan yang mencapai martabat ilmu hakikat yang sebenar, maka wajar bagi mereka ini membaca karangan Ibn 'Arabi seperti *Futuhāt al-Makkiyyah* sebagai rujukan. Dan dalam huriaian yang lain, beliau menganjurkan sejumlah besar kitab-kitab yang disarankan menjadi rujukan mereka yang mempelajari dan beramat dalam tasawwuf dan tar-iqah. Khususnya yang tergolong dalam peringkat *al-mubtadi*, *al-mutawassit* dan *al-muntahi*. Lihat 'Abd Samad al-Falimbāngi, *Sirr al-Śalikīn Ila 'Ibadat al-Rabbil 'Ālārin*, Matba'ah Muhammad Nahdi, Bangkok, t.t., hal. 177-181

⁷⁴Nama penuhnya ialah Abū Ḥamid Muhammād al-Ghazālī lahir di Tus, Parsi pada 450H/1058 dan wafat pada 505H/1111M

⁷⁵ Nama penuhnya ialah Syaykh 'Abd Samad bin Syaykh 'Abdul Rahmān al-Jāwi al-Falimbani bin Syaykh 'Abd Jalil bin 'Abd Wahāb bin Syaykh Ahmad al-Mahdāni al-Yamani. Lihat Wan Muhammad Saghir 'Abdullāh, *Syeikh 'Abd Samad Palembang : 'Ulam-a' Sufi dan Jihad Dunia Melayu*, Khazanah Fataniyyah, Kuala Lumpur, 1996., hal. 110. Lihat juga karya beliau bertajuk *Perkembangan Ilmu Tasawwuf Dan Tokohnya Di Nusantara*, Penerbitan al-Ikhlas Surabaya, 1980, hal. 85-86.

⁷⁶ Nama sebenar beliau ialah 'Abd Mālik bin 'Abdullah al-Jāwi. Beliau lahir pada 1650an dan wafat pada 1736M. Beliau dikenali dengan gelaran Tok Pulau Manis sehubungan dengan pusat pendidikan yang tertua dan terbesar pernah diasaskannya di Terengganu. Beliau dikatakan pengarang kepada kitab Syarah Hikam Melayu. Lihat Shafie Abu Bakar, *Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam*, dalam *'Ulam-a' Terengganu Satu Sorotan*,(edit) Muhammad Abu Bakar, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Terengganu., 1991, hal. 59. Bagaimanapun menurut Wan Muhammad Saghir, Syarah Hikam Melayu @ Hikam Kabir ini tidak diketahui penulisnya dan dipercayai ditulis oleh 'ulam-a' dari Aceh. Ini sebagaimana yang diperakui oleh Syaykh Ahmad al-Fathani dalam mentashihkan kitab ini dalam Cetakan Matba'ah al-Miriyyah, Makkah, 1302H/1884M. Lihat Hj Wan Muhammad Saghir 'Abdullah, *Penjelasan Nazam Syair Sufi*, Khazanah al-Fataniyyah, Kuala Lumpur, 1993, hal 126-138.

⁷⁷ Nama lengkapnya ialah Muhammad Nāfiṣ bin Idrīs bin Hussein al-Banjārī dan sezaman dengan Syaykh Muhammad Arsyād al-Banjārī pengarang kitab *Sabil al-Muhtadin*. Beliau dikatakan beramat dengan berbagai tarīqah antaranya Qādiriyah, Syatāriyyah, Naqsyabandiyyah, Khalawātiyyah dan Samāniyyah. Lihat Hawash 'Abdullah @ Wan Muhammad Saghir 'Abdullah, *Perkembangan Ilmu Tasawwuf Dan Tokohnya*, Penerbitan al-Ikhlas, Surabaya, 1980, hal. 108.

⁷⁸ Tarīqah al-Shādiliyyah adalah di nisbahkan kepada Syaykh Abū Hassan al-Shādhili (w.656H). Beliau adalah murid kepada Syaykh Muhyiddin Ibn 'Arabi (w.590). Selepas kewafatan Syaykh Abū Hassan al-Shādili maka muridnya Abū 'Abbas al-Mursi telah menjadi Syaykh tarīqah al-Shādiliyyah. Kewafatan Syaykh Abu 'Abbas al-Mursi pada 686H maka muridnya Ibn 'Ata-iLlah (w.709H), memimpin dan menjadi Syaykh *mursyid* bagi tarīqah al-Shādiliyyah. Lihat Ibn 'Ajibah, Ahmad bin Muhammad, *Iqāz al-Himān Fi Syarh al-Hikam*, Jil. 1 & 11, Dar al-Fikr, Beirut, t.t.

⁷⁹ al-Sha'rāni, 'Abd Wahāb, *op. cit.*, hal. 62

⁸⁰ Abd Samad al-Falimbāngi, *Sirr al-Salikin*, Matbaah Muhamad al-Nahd Wa Auladihi, Bangkok, t.t., Juz. 3, hal. 39

⁸¹ Antara beberapa tempat yang masih lagi menjalankan majlis pengajian dan *dhikir* tarīqah Ahmadiyyah di daerah ini ialah seperti Kampung Semabok, Kampung Lada, Kampung Chenong, Kampung Batu, Kampung Penajis dalam daerah Rembau dan lainnya.

⁸² Ibrāhīm Mustapa, *Marhūm Muhammad Sa'id bin Jamāluddin Pengasas Gerakan Tarīkat Ahmadiyyah di Negeri Sembilan*, dalam *Warisan*, Persatuan Sejarah Malaysia (Caw. N. Sembilan), Keluaran 15, 1991

⁸³ Mahmud Saēdon Awang Othmān, *Tuan Haji Ahmad bin Mohd Sa'id, Pemimpin al-Tarīqah al-Ahmadiyyah al-Rāshidiyyah al-Dandarāwiyyah*, dalam *Cenderamata Memperingati 'Ulam-a'*, Penerbitan Univ. Keb. Malaysia, 1980, hal.24-25.

⁸⁴ Jahid Hj Sidek, *Dhiya' al-Imān fi Tariqah al-Rahmān*, (terj) *Tamwīr al-Qulūb*, Penerbitan Sarjana, Kuala Lumpur, 1989, hal. 55

⁸⁵ Hadith riwayat Abū Ya'lā melalui sanad sahīh Lihat Nūrdin al-Haithāmi, *Majmu' al-Zawāid*, Maktabah al-Qadsi, Kaherah, Juz. 10, t.t. hal. 226. Lihat juga Abd Qadir Isa, *loc. cit.*, hal.51, lihat Arif, Ishak bin Muhammad , *Majmu' al-Mawaizah*, Pustaka Al-Huda, Pahang, 1988, hal. 13

⁸⁶ Syaykh Muhammad Sa'id sendiri dalam mentarbiyyah ahli keluarganya telah menghantar mereka ini mengaji agama dan sebahagian besarnya mendapat pendidikan di Timur Tengah dan negara-negara Arab.

yang menonjol. Syaykh Ahmad juga dikatakan menghantar seramai 22 orang anaknya mengaji dalam bidang pendidikan agama.

⁸⁷ *Ibid*, hal. 24

⁸⁸ *Haul* ini adalah majlis *dhikir* bagi memperingati kewafatan para masyaikh *tarīqah* Ahmad-iyyah. Di Negeri Sembilan majlis *haul* ini dilakukan dibeberapa tempat seperti di kampung Penajis, Semerbuk Rembau, Ampangan di kalangan *ikhwān* di tempat tersebut. Majlis besar biasanya diadakan seminggu sebelum Ramadhan setahun sekali sebagai persiapan menyambut kedatangan bulan puasa dan juga bersempena memperingati kewafatan *Al-'Ārif bi-Ilāh* Syaykh Haji Muhammad Sa'id. Majlis *haul* ini biasanya dihadiri oleh sekalian *ikhwān* *tarīqah* Ahmadiyyah dari seluruh Malaysia dan Singapura. Biasanya diadakan di pondok Syaykh Ahmad, Rasah. Majlis bermula selepas selesai solat maghrib dan disambung semula selepas Isya'. Majlis ini adalah yang terbesar di kalangan keluaraga *ikhwān* *tarīqah* Ahmad-iyyah Negeri Sembilan dan dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat, para 'ulamā' dan ahli agama, pemimpin-pemimpin kerajaan dan masyarakat, golongan dewasa dan kanak-kanak serta wanita. Lihat juga keterangan Hamdan Hassan, *loc. cit.*, hal. 155-168.

⁸⁹ Mahmud Saedon Awang Othman, *loc. cit.*, hal. 20

⁹⁰ Muhammad bin Samad, *Tarīqah Ahmadiyyah Di Negeri Sembilan. Satu Tinjauan, Latihan Ilmiah*, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, Bangi, 1978. Lihat juga Hamdan Hassan., *loc. cit.*, hal. 226.

⁹¹ Temuramah dengan Mufti kerajaan Negeri Sembilan pada Julai 1996, Tuan Haji Murtadza bin Haji Ahmad antara pemimpin *tarīqah* Ahmad-iyyah di Negeri Sembilan.

⁹² Penulis berjaya menemui keturunan beliau yang sekarang menetap di Rembau Negeri Sembilan. Menurut salah seorang dari mereka iaitu Hj Fuad Kamaluddin semasa ditemuramah pada November 1997, kesan-kesan peninggalan Madrasah dan perkeampungan tersebut masih ada hingga ke hari ini.

⁹³ Abd Samad al-Falimbangi, *loc. cit.*, hal. 39

⁹⁴ Lihat perbincangan maksud *tarīqah al-Dīn* oleh Muhammad Mustafa 'Azāmi, *Studies in Hadith Methodology and Literature*, (terj) Engku Ibrahim Engku Ismail, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur., 1989, hal. 7-9

⁹⁵ Surah An-Nisa', ayat 69

⁹⁶ Hassan Salleh dan Muhammad Nur Manuti, *Tuan Mufti as-Syaykh Al-Haj Ahmad bin Al-Sheikh Muhammad Sa'id Al-Dandarawi (1914-1964)* dalam *Cenderamata Memperingati 'Ulam-a'*, Penerbitan Univ. Keb. Malaysia, 1980, hal. 9

⁹⁷ Surah al-Fath, ayat 26

⁹⁸ Surah al-Baqarah, ayat 216

⁹⁹ Penyebaran *tarīqah* Ahmadiyyah di daerah Siak ini adalah daya usaha Tuan Lebai Aris bin Ahmad dari Rembau. Beliau mengambil *ijāzah* *tarīqah* Ahmadiyyah dari Tuan Haji Samad Bongek salah seorang murid tua dan *khālidah* kanan kepada Syaykh Muhammad Sa'id al-Lingga (w.1926M). Beliau telah berguru dengan Syaykh 'Abdullah (w. 1956M) di Ampangan, Seremban, *mursyid* *tarīqah* Ahmadiyyah ketika itu. Beliau dikatakan telah menyebarkan ajaran *tarīqah* Ahmadiyyah di Siak menjelang tahun 1936M. Kemasyhuran beliau ini dikatakan, mempunyai murid dari Siak, Kampar, Batu Bara, Rokan, Minangkabau dan lain-lain daerah di Sumatera. Baginda Sultan Siak Seri Inderapura juga menjadi pengikut *tarīqah* Ahmadiyyah ini yang dipimpin oleh Lebai Aris. Lihat Mahmud Saēdon, *op. cit*, hal.25.

¹⁰⁰ Wan Muhammad Saghir 'Abdullāh, *loc. cit.*, hal. 125. Lihat juga Ibrahim Mustapha, *loc. cit.*, hal.58

¹⁰¹ Murtadha bin Ahmad, *loc. cit.*, hal. 43

¹⁰² Wawancara dengan Tuan Hj Muhammad Abid bin Ahmad, pada September 1997

¹⁰³ Surah al-Rā'd, ayat 28

¹⁰⁴ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Fara'id al-Mā'thir, loc. cit.*, hal. 61

¹⁰⁵ *Ibid*, hal. 63

¹⁰⁶ *Ibid*

¹⁰⁷ Lihat Mahmud Sa'edon, *Peranan Taṣawwuf Dan Kerohanian Di Dalam Kehidupan Mukmin*, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan, 1992, hal. 12-17

¹⁰⁸ *Maqām* itu maksudnya ialah kedudukan usaha dan *mujāhadah* seseorang *salik*

¹⁰⁹ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *loc. cit.*, hal. 17

¹¹⁰ *Ibid*, hal. 17

¹¹¹ *Ibid*, hal. 55

¹¹² Dimaksudkan *nafī Ithbāt* ialah *dhikir tahlil* ﴿الْحَلْلَةِ الْمُكَبَّرَةِ﴾

¹¹³ Diantara wirid-wirid yang menjadi amalan besar ialah *al-Tahlīl*, *al-Salawāt al-'Adhimiyyah* dan *al-Istighfār al-Kabīr* iaitu amalan yang mula-mula sekali diterima oleh Sayyidi Ahmad bin Idris, pengasas tariqah ini. Lihat Ahmad bin Muhammad Sa'id, *op. cit.*, hal. 45

¹¹⁴ *Ahwāl* adalah *jama'* bagi *hāl*. Lanya adalah berkaitan dengan *maqām*. Hal ialah sesuatu sifat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. Beza antara *maqām* dan *hāl* ini ialah *maqām* itu adalah usaha seseorang *salik*, manakala *hāl* itu adalah kurnia dari Allah. Tanda sesuatu sifat itu telah menjadi *hāl* ialah apabila sifat itu jadi sebatи dan mudah dilakukan tanpa kesukaran. Misalnya sifat sabar. Seseorang yang sifatnya pemarah tentulah menjadi satu kesukaran bagi dirinya mendatangkan sifat sabar. Tetapi apabila sifat sabar itu dikurniakan oleh Allah, maka mudah sahaja dirinya bersabar.

¹¹⁵ Ini adalah kefahaman beberapa orang *ikhwān* tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan berhubung dengan *talqīn* dan *bai'ah*. Wawancara penulis dengan En. Dāūd 'Abdullāh salah seorang murid yang mendapat *talqīn* dan berbai'ah dengan Syaykh Hassan iaitu salah seorang *ikhwān* kanan tariqah Ahmadiyyah yang diberi izin dan *ijāzah* mengajar akan tariqah Ahmadiyyah. Syaykh Hassan ini juga adalah antara *ikhwān* kanan tariqah Ahmadiyyah semasa bapanya Syaykh 'Abdulfah (w.1956M) menjadi Syaykh tariqah Ahmadiyyah selepas kewafatan Syaykh Muhammad Sa'id al-Lingga (w.1926M)

¹¹⁶ Abd Samad al-Falimbāngi, *loc. cit.*, hal. 177-181

¹¹⁷ Surah al-Ankabut, ayat 69

¹¹⁸ Perlantikan wakil Syaykh atau *khālīfah* dalam tariqah, adalah berdasarkan kepada isyarat-isyarat kerohanian atau dalil-dalil yang terang. Contohnya, penulis diberitahu tentang penggantian Syaykh Muhammad Hamid iaitu Syaykh tariqah Ahmadiyyah bagi seluruh *ikhwān* yang mengambil *bai'ah* dari keluarga Tuan Hj Muhammad Sa'id di Negeri Sembilan yang meninggal pada 11 September 1996. Sebelum kewafatannya, beliau telah mengisyaratkan kepada anaknya bernama Kamal, untuk mengambil tugas-tugas beliau. Beberapa minggu kemudian, beliau telah meninggal dunia. Maka para *ikhwān* sepakat, mengangkat anaknya ini sebagai pengganti tempat beliau dan memimpin di kawasan tersebut tetapi bukan sebagai Syaykh tariqah bagi seluruh *ikhwān* Ahmadiyyah.

¹¹⁹ Antaranya seperti Datuk Samad, juga dikenali sebagai Datuk Samad Bongek dari Rembau (Samad Bongek juga adalah bapa kepada Cikgu Hj Muhammad iaitu orang yang pertama melakukan kajian ilmiah tentang tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi). Tuan Lebai Ibrahim, Faqih Muhammad Noor, Tuan Haji Hussein, dan lain-lainnya yang mendapat *ijāzah* mentalqinkan tariqah Ahmadiyyah dari Syaykh Muhammad Sa'id kepada *ikhwān* yang baru. Pada masa Syaykh 'Abdullāh menjadi Syaykh tariqah, terdapat beberapa orang lagi yang sebahagian besar terdiri dari keluarga Syaykh Muhammad Sa'id seperti Tuan Hj. Mansōr, Tuan Hj Muhammad Noor, Tuan Hj Hamid dan Tuan Hj Rāshid. Tetapi semasa Syaykh Ahmad menjadi pemimpinnya, hanya beliau seorang

sahaja yang boleh memberikan *bai'ah* atau talqīn *dhikir* amalan tariqah ini. Lihat Dr. Mahmud Saedon Awang Osman, *op. cit.*, hal. 28-37.

¹²⁰ Lihat lampiran E, F, G dan H.

¹²¹ Temuramah dengan Hj Muhammad Fuād bin Hj Kamāluddīn, pemimpin tariqah Ahmadiyyah Ja'afariyyah pada November 1977.

¹²² Mahmud Saēdon, *op. cit.*, hal. 30

¹²³ Surah al-Baqarah, ayat 152

¹²⁴ Surah Ali-Imrān, ayat 103

¹²⁵ Cara-cara menerima *ijāzah* atau *bai'ah* dalam tariqah itu adalah berbeza-beza. Misalnya dalam tariqah Naqsyabandiyah mereka ini akan diberikan taklimat oleh *khālidah* kanan Syaykh tariqah tersebut secara ringkas dan adab-adabnya. Kemudian barulah mereka ini akan melakukan penyerahan diri kepada Syaykh tersebut untuk sama-sama beramal dalam tariqah itu. Syaykh tersebut akan menerima penyerahan ini dan akan memulai majlis *bai'ah* dengan membaca beberapa potong ayat al-Quran dan menerangkan kaifiyah beramal tariqah itu. Dalam tariqah Ahmadiyyah juga terdapat beberapa perbezaan seperti *ikhwān* tariqah Ahmadiyyah di Kelantan dan Negeri Sembilan dan Usrah Dandarawiyah. Bagaimanapun perbezaan kecil sahaja dari segi teknikal cara *bai'ahnya* seperti bersalam-salam, *bai'ah* orang perempuan, berseorangan dan beramai-ramai.

¹²⁶ Soleh al-Ja'afari, *loc. cit.*, hal. 18

¹²⁷ *Al-takhallī* bererti membuang semua sifat yang tercela yang ada dalam diri seseorang manusia atau sifat-sifat *maḍhūmūah* iaitu seperti *hasad*, *riya'*, *ujub*, *sum'ah* dan lain-lain. Sementara maksud *al-tahallī* ialah menghiaskan diri dengan sifat-sifat terpuji atau sifat-sifat *mahmudah* seperti sabar, syukur, redha dan lain-lainnya dengan jalan *mujāhadah*. Kedua-dua jalan ini akan tercapai melalui latihan-latihan kerohanian (*al-riyādah*) yang mendapat pimpinan seorang syaykh *mursyīd*.

¹²⁸ Al-Ghazāli, *al-Munqidh min al-Dalāl*, (edit) 'Abd Halīm Mahmūd dalam, *al-Munqidh min al-Dalāl Ma'a Abhāth fi al-Taṣawwuf Wa al-Dirasāt al-Ilm Li al-Ghazāli*, Dar al-Qutub al-Hadith, 1972, hal. 172

¹²⁹ Ibnu 'Aīā-iLlāh menyimpulkan bahawa *al-Tajrīd* dan *al-Asbāb* itu adalah ketentuan dan kehendak Allah semata-mata kepada orang-orang yang beriman. Maka tidak boleh seseorang salik untuk bercita-cita untuk sampai kepada kedua-duanya hal ini. Adapun cita-cita untuk sampai kepada kedua-dua keadaan ini adalah salah satu daripada kehendak nafsu yang tersembunyi. Ketentuan *tajrīd* dan *asbāb*, inilah yang dimaksudkan sebagai *al-Irādah al-Haq* iaitu kehendak Allah semata-mata. Lihat Taj al-Din bin 'Aīā-iLlāh al-Sakandāri, *Al-Hikam*, (syarah) 'Abd Mālek bin 'Abdullāh (Tok Pulau Manis), Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'rif, P. Pinang, t.t. hal. 3-4

¹³⁰ Surah al-Ankabut, ayat 69

¹³¹ Surah al-Baqarah, ayat 10

¹³² Surah al-Hajj, ayat 53

¹³³ Surah al-Ankabut, ayat 43

¹³⁴ Surah al-Zumar, ayat 22

¹³⁵ Surah al-Mujādalah, ayat 22

¹³⁶ Surah al-Najm, ayat 11

¹³⁷ Surah Yusof, ayat 30

¹³⁸ Surah al-Zumar, ayat 21

¹³⁹ Surah Taha, ayat 7

¹⁴⁰ Hamka, *Perkembangan Tasauf Dari Abad ke Abad*, Pustaka Islam, Jakarta, 1966, hal. 134

¹⁴¹ Muhammad Sa'id Jamaluddin al-Lingga, *loc. cit.*, hal. 190

¹⁴² Mahmud Sædon Awang Othman, *loc. cit.*, hal. 17

¹⁴³ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *loc. cit.*, hal. 62-63

¹⁴⁴ Muhammad Sa'id Jamaluddin, *Syarah Kunūz al-Jawhar*, *loc. cit.*, hal.39

¹⁴⁵ Temuramah dengan beliau di rumahnya di Rembau, Negeri Sembilan pada November 1997

¹⁴⁶ Lihat kaedah berdhikir dalam dalam risalah Tariqah Naqsyabandiyah al-Khalidiyah yang dikeluarkan oleh Tuan Guru Hj Imām Ishaq bin Mohammad 'Arif, *Mursyid* di Surau Jeram Dong Bangkin, Raub, Pahang. Lihat juga H.A. Fuad Sa'id, *Hakikat Tarikat Naqsyabandiyah*, Badan Book Store , Johor, 1993, hal. 62-63

¹⁴⁷ *Ibid*, hal. 69